Hari TLDM ke-90 batal, ganti majlis tahlil 2

Tengku Amir meriahkan Rumpun Selangor 6

Bawa pakar penuhi keperluan negeri 2

RM1,500 ringan beban mangsa bah 5

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 25 APRIL - 1 MEI 2024 www.selangorkini.my

# Rumah terbuka negeri 27 April

Raja Muda Selangor antara tetamu kehormat dalam majlis bermula 8 malam yang menyediakan aneka juadah selain pengunjung bakal dihiburkan artis terkenal termasuk Ella, Naim Daniel dan Sarah Suhairi

MUKA 4

## Taman semikoduktor jana RM1 bilion

Bakal beroperasi Jun di Puchong, ia dijangka tarik pelabur selain buka peluang kerjaya termasuk bidang kejuruteraan bergaji antara RM5,000 hingga RM7,000 sebulan dalam masa setahun pertama operasi

MUKA 5




**Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Pengarah Kanan Jualan Automasi Kilang Asia-Pasifik Siemens Pte Sascha Maennl (kiri), Pengarah Penyelaras R&D ARTC Singapura Dr Zhang Jingbing (dua, kiri), Timbalan Setiausaha Kumpulan Daya Saing dan Inovasi Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Filipina Dr Rafaelita Aldaba (dua, kanan) dalam sesi perbincangan sempena Pameran Perdagangan Industri Hannover Messe 2024 di Hannover, Jerman pada 22 April 2024. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ▶BERITA MUKA 2**

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. SELGEM SDN. BHD.

Pengiktirafan Pensijilan
ISO / IEC 27001 : 2022
Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
oleh
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
bagi tahun
2024 - 2027

Tahniah!
Atas Kejayaaan
Pensijilan ISO

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. INFRASEL SDN. BHD.

Pengiktirafan Pengekalan Pensijilan
ISO 9001 : 2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
dan
Pengiktirafan Pensijilan
ISO 14001 : 2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
ISO 45001 : 2018 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS)
oleh
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
bagi tahun
2024 - 2027

## Hari TLDM batal, ganti majlis tahlil

**SHAH ALAM -** Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memberi perkenan sambutan Ulang Tahun dan Perbarisan Sempena Hari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ke-90 yang sepatutnya dijadual pada 26 April dibatal.

Menurut Selangor Royal Office, titah itu susulan nahas dua helikopter TLDM terhempas semasa raptai yang mengorbankan 10 anggotanya di Pangkalan TLDM Lumut, Perak pada 23 April, lapor Bernama.

"Sebaliknya, satu majlis bacaan Yasin dan tahlil doa selamat akan diadakan bertempat di Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM, Lumut sebelum Solat Jumaat," menurut kenyataan itu di Facebook.

Kenyataan tersebut turut memaklumkan Sultan Sharafuddin selaku Kapten Yang Dipertua TLDM dijangka berangkat ke majlis berkenaan.

Sultan Sharafuddin turut menzahirkan rasa sedih dan menghargai jasa, bakti dan pengorbanan anggota yang gugur semasa bertugas serta mendoakan semoga roh mereka dicucuri rahmat-Nya.

## Kerjasama tingkat inovasi digital

**SHAH ALAM -** Kerajaan Selangor menjalin kerjasama dengan beberapa syarikat teknologi di luar negara bagi memacu lagi sektor berkenaan di negeri.

Dato' Menteri Besar berkata perjanjian dengan Orangeleaf Consulting dan syarikat milik Siemens, Mendix membolehkan negeri menyediakan tenaga kerja berkualiti.

"Platform kod rendah Mendix menawarkan alat pembangunan perisian yang berkuasa dan moden, merevolusikan pembangunan aplikasi perusahaan.

"Tidak seperti kaedah pengekodan tradisional, Mendix menggunakan modul drag-and-drop visual, menjadikannya boleh diakses oleh individu tanpa latar belakang pengekodan sambil mengurangkan masa ke pasaran dengan ketara untuk penyelesaian inovatif," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook.

**IMBAS DI SINI**
**akhbar digital minggu lepas**




## Rasmi Lakepoint Setia AlamImpian

**SHAH ALAM -** Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan perasmian Kompleks Lakepoint Setia AlamImpian di sini.

Menurut Pengerusi SP Setia Yang Amat Mulia Tan Sri Syed Anwar Jamalullail, kompleks seluas 1,235 ekar itu dibuka kepada orang ramai mulai Ogos lalu dan menggamit 12,000 pengunjung setiap bulan.

Katanya, ia merangkumi LakePoint Central (pusat runcit), LakePoint Club (rumah kelab) dan LakePoint Gallerie (galeri jualan dan pejabat) yang bersebelahan LakePoint Park (taman dan tasik).

"Sejak dibuka, kita menerima sambutan menggalakkan sekali gus mengukuhkan kedudukan Setia AlamImpian sebagai salah satu alamat berprestij di Lembah Klang," katanya pada 20 April.

DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin turut berangkat ke majlis tersebut dengan diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim.

LakePoint Central meliputi kawasan seluas 28,038 kaki persegi yang boleh disewa. Penyewa antaranya Urban Marketplace, JomPa Café, RAWI Authentic Fusion Cuisine, The Gorpis Kafe dan galeri seni oleh UiTM (Crystal Art Gallery).

Kelab LakePoint juga menawarkan kemudahan rekreasi termasuk gelanggang badminton, futsal, kolam renang bersaiz olimpik, sauna, studio tarian, bilik permainan, gimnasium dan dewan.

Setia AlamImpian dilancar pada November 2006 oleh ISP Group Sdn Bhd sebagai AlamImpian sebelum Kumpulan I&P bergabung dengan SP Setia pada 2017.

### Penuhi keperluan pelbagai bidang

# Teroka potensi teknologi rel

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM -** Selangor giat meneroka potensi teknologi terkini perkhidmatan rel dalam lawatan ke Siemens Mobility Rail Service Center di Jerman pada 19 April.

Dato' Menteri Besar memaklumkan lawatan berkenaan sebahagian usaha Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan Rel Kita Selangor yang diumum sebagai manifesto pada pilihan raya lalu.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, delegasi Selangor diberi penerangan berhubung operasi Siemens Mobility yang menyedia dan memiliki pelbagai kemudahan canggih selain mengamalkan prinsip hijau.

"Delegasi Selangor diberi penerangan tentang ketersediaan Siemens Mobility dalam bidang rel yang memiliki 5.5 km rel di Dortmund-Eving (sebuah bandaraya di Jerman).

"Mereka turut membina bengkel enam landasan, gudang tiga tingkat dan fasiliti pembersihan keretapi. Semua proses penyelenggaraan ini beroperasi 100 peratus tanpa menggunakan kertas," kongsinya di Facebook.

Amirudin menjelaskan lawatan itu tidak terbatas menerusi pertukaran kepakaran malah bagi memenuhi keperluan Selangor dalam bidang penyelidikan, pendidikan, perkhidmatan dan teknologi.

## Jaya revolusi automasi bangunan

**SHAH ALAM -** Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) bersama syarikat automasi terkemuka KNX Associate (KNX) dan Seikou Systec Sdn Bhd menjalin kerjasama untuk merevolusi automasi bangunan.

Dato' Menteri Besar berkata, modul KNX disepadukan ke dalam Sijil Teknologi Elektrik Tahap 3 sekali gus bakal menjadi Selangor sebagai hab pensijilan profesional bidang berkenaan.

"Objektif utama kerjasama ini adalah untuk meletakkan Selangor sebagai hab penting bagi penyediaan dan pengurusan pensijilan profesional dalam bidang automasi bangunan.

"KNX akan memainkan peranan sebagai badan piawai untuk membina modul piawaian automasi. Kerjasama ini juga bagi memanfaatkan kepakaran dan rangkaian global KNX yang meluas untuk memperkukuh keunggulan Selangor dalam bidang tersebut," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara STDC, KNX dan Seiko Systec Sdn Bhd berlangsung di ibu pejabat Steinel GmbH Herzebrock, Dortmund, Jerman pada 19 April.

Amirudin menambah kerjasama dengan KNX yang mempunyai rangkaian 505 pusat latihan bertauliah di 73 negara dan rangkaian industri lebih 105,000 rakan kongsi di 178 negara, akan meningkatkan daya saing negeri dalam membina teknologi automasi.

## Bawa pakar penuhi keperluan negeri

**SHAH ALAM -** Kerajaan Selangor menjadi wakil tunggal Malaysia menghadiri majlis perasmian Hannover Messe, persidangan dan pameran teknologi kejuruteraan mekanikal dan elektrik terkemuka dunia di Jerman.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peluang berkenaan dimanfaatkan sepenuhnya bagi membawa kepakaran dan teknologi yang ada untuk memenuhi keperluan Selangor dan Malaysia.

"Acara ini memberi tumpuan kepada kecerdasan buatan, pengeluaran mesra iklim dan penyelesaian tenaga hijau, dengan penyertaan daripada syarikat utama seperti Microsoft, Google, Perkhidmatan Web Amazon, Dell, SAP, Siemens, Bosch dan syarikat pemula di seluruh dunia.

"Matlamat kami adalah untuk membawa kembali kepakaran dan teknologi untuk memenuhi keperluan Selangor dan Malaysia," kongsinya di Facebook.

Amirudin turut mengambil bahagian dalam forum bersama tiga lagi delegasi Asia Tenggara bagi membincangkan kerjasama kerajaan dan industri untuk memajukan matlamat kemampanan di Asean.


SELANGOR
Rumah Terbuka Aidilfitri
Peringkat Negeri Selangor
Riuh Raya
#KitaSelangor
2024
Sabtu | 27 April 2024
8.00 malam - 11.00 malam
Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
Marilah Bersama-sama Memeriahkannya!
Imbas QR untuk maklumat lanjut
Amirudin Shari
amirudin_shari
amirudinshari
@AmirudinShari
amirudinshari.com
www.selangor.gov.my
MALAYSIA MADANI

## AMK dekati belia sepanjang PRK

**SHAH ALAM -** Angkatan Muda Keadilan (AMK) akan berkampung di beberapa kawasan tumpuan dan mendekati golongan belia pelbagai latar belakang sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu, bermula 27 April.

Semasa berkempen, fokus penerangan AMK ialah mengenai pembangunan dan isu setempat di samping persoalan peringkat nasional khususnya yang menyentuh soal perpaduan masyarakat, kepesatan ekonomi dan inisiatif Kerajaan Madani selain menangkis fitnah serta propaganda pembangkang.

Selain itu, kempen juga akan digerakkan secara mandiri tanpa bergantung kepada jentera kerajaan dan yakin dengan kekuatan akar umbi parti yang bersedia mengekalkan kemenangan di DUN Kuala Kubu Baharu.

"Kami yakin, golongan belia di Kuala Kubu Baharu mampu menjelmakan diri sebagai sebuah kelompok generasi muda yang rasional, berpengetahuan, demokratik dan matang dalam mendepani suasana politik yang runcing sekarang," katanya dalam kenyataan pada 23 April.

## Ziarah Kasih Raya dekati penduduk

**SHAH ALAM -** Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali mengunjungi 13 rumah penduduk yang mengalami kesusahan sekitar Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu dalam tiga jam.

Saifuddin Shafi Muhammad berkata kunjungan dalam program Ziarah Kasih Raya pada 19 April turut disertai beberapa agensi negeri bagi meneliti keperluan bantuan untuk golongan itu.

"Konvoi raya paling pantas, tidak makan, tidak minum. Tiga belas rumah selesai dalam masa tiga jam sahaja!

"Sebenarnya kami bukan konvoi raya biasa, Ziarah Kasih Raya sekitar DUN Kuala Kubu Bharu ini menjengah tiga belas rumah mereka yang memerlukan dan ditimpa musibah," katanya di Facebook.

Saifuddin menjelaskan pihaknya menyerahkan sumbangan tunai daripada pejabat Dato' Menteri Besar selain membantu mendaftar penduduk dengan LZS atau JKM mengikut kelayakan mereka.

### Ella, Naim Daniel meriahkan sambutan

# Rumah Terbuka Aidilfitri 27 April

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

**SHAH ALAM -** Ratu rock tanah air Ella bakal memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat negeri di Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 27 April.

Selain penyanyi lagu Permata Biru itu, penyanyi muda terkenal Naim Daniel dan Sarah Suhairi juga mengadakan persembahan dalam majlis yang dijadual bermula jam 8 malam.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah juga berkenan berangkat ke acara tahunan yang turut diserikan celoteh deejay Suria FM Feeya Iskandar atau Cik Piah.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, barisan EXCO dan seluruh pimpinan negeri hadir sama.

"Marilah bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri dan persekutuan serta rakyat bagi merai Aidilfitri yang mulia di rumah terbuka Kerajaan Selangor. Jumpa di sana," kata Amirudin pada 23 April.

Menurut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pula, program Riuh Raya Kita Selangor itu menghidangkan aneka juadah raya selain pemberian duit raya dan pertunjukan bunga api.

"Apa tunggu lagi? Jom sama-sama kita meriahkan Rumah Terbuka Riuh Raya Kita Selangor 2024," kata kenyataan di Facebook.

Sambutan tersebut boleh ditonton dalam YouTube SelangorTV dan semua media sosial Media Selangor.

## Van untuk tetamu majlis raya




**SHAH ALAM -** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyediakan tiga van ulang-alik bagi kemudahan penduduk susulan penutupan jalan untuk persiapan penganjuran rumah terbuka negeri pada Sabtu.

Kenderaan tersebut disediakan mulai esok di hadapan pejabat pendidikan daerah, Jalan Dato' Tabal serta hadapan pejabat pos pekan berkenaan.

Kemudahan dari 9 pagi hingga 4.30 petang sehingga Isnin depan termasuk proses membuka semula khemah dengan penutupan jalan dibuat secara berperingkat.

"MPHS sebaik mungkin mencari inisiatif bagi meminimumkan kesulitan dan membolehkan semua pihak menjalankan urusan harian seperti biasa," kata kenyataan pada 23 April.

MPHS menambah penutupan hanya melibatkan sebahagian jalan, namun masih boleh diakses melalui laluan lain seperti Jalan Abdul Hamid, Jalan Dato' Tabal, Jalan Rasathurai dan Jalan Dato' Balai.

**WAKTU SOLAT 25 APRIL - 1 MEI 2024 16 - 22 SYAWAL 1445**

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 Khamis | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:14 | 4:30 | 7:20 | 8:31 |
| 26 Jumaat | 5:45 | 5:55 | 7:03 | 1:14 | 4:30 | 7:20 | 8:31 |
| 27 Sabtu | 5:45 | 5:55 | 7:03 | 1:14 | 4:30 | 7:20 | 8:31 |
| 28 Ahad | 5:44 | 5:54 | 7:03 | 1:13 | 4:30 | 7:20 | 8:31 |
| 29 Isnin | 5:44 | 5:54 | 7:03 | 1:13 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 30 Selasa | 5:44 | 5:54 | 7:03 | 1:13 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 01 Rabu | 5:43 | 5:53 | 7:02 | 1:13 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |

Klang dan Kuala Langat

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 Khamis | 5:46 | 5:56 | 7:05 | 1:14 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 26 Jumaat | 5:46 | 5:56 | 7:05 | 1:14 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 27 Sabtu | 5:46 | 5:56 | 7:04 | 1:14 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 28 Ahad | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:14 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| 29 Isnin | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:14 | 4:32 | 7:20 | 8:31 |
| 30 Selasa | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:14 | 4:32 | 7:20 | 8:31 |
| 01 Rabu | 5:44 | 5:54 | 7:03 | 1:14 | 4:32 | 7:20 | 8:31 |

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 Khamis | 5:47 | 5:57 | 7:05 | 1:16 | 4:32 | 7:22 | 8:33 |
| 26 Jumaat | 5:47 | 5:57 | 7:05 | 1:16 | 4:32 | 7:22 | 8:33 |
| 27 Sabtu | 5:46 | 5:56 | 7:05 | 1:16 | 4:32 | 7:22 | 8:33 |
| 28 Ahad | 5:46 | 5:56 | 7:04 | 1:16 | 4:33 | 7:22 | 8:33 |
| 29 Isnin | 5:46 | 5:56 | 7:04 | 1:16 | 4:33 | 7:22 | 8:34 |
| 30 Selasa | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:16 | 4:33 | 7:22 | 8:34 |
| 01 Rabu | 5:45 | 5:55 | 7:04 | 1:15 | 4:33 | 7:22 | 8:34 |



**TELITI...** Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan mendengar taklimat pembangunan Setia AlamImpian yang disampaikan Ketua Pegawai Operasi SP Setia Sdn Bhd Datuk Zaini Yusoff (kanan) sempena perasmian Kompleks LakePoint di Shah Alam pada 20 April. Turut mengiringi Baginda Pengerusi SP Setia Yang Amat Mulia Tan Sri Syed Anwar Jamalullail (tiga, kanan). Foto Facebook Selangor Royal Office

## Pembangunan taman semikonduktor

# Jana pelaburan RM1 bilion

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KUALA LUMPUR -** Taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pemacu semikonduktor Malaysia: Hab Selangor yang dibangunkan di Puchong dijangka menjana pulangan ekonomi sehingga RM1 bilion.

Menurut Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec), pusat yang beroperasi Jun ini bakal menarik pelabur, sekali gus meningkatkan peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar negeri.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Yong Kai Ping berkata pembangunan itu juga akan membuka peluang kerjaya profesional terutama kejuruteraan dengan gaji antara RM5,000 hingga RM7,000 sebulan.

"Dalam tempoh setahun beroperasi, kita jangka dapat tawar lebih 300 peluang kerja profesional dan ia bakal bertambah untuk tahun seterusnya.

"Pusat ini akan menjadi kluster perindustrian dan lebih banyak pelaburan dibawa masuk. Banyak syarikat memerlukan kilang bakal bertapak di sini," katanya dalam sidang media pada 22 April.

Beliau mewakili Kerajaan Selangor menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan empat syarikat termasuk luar negara iaitu ARM Ltd yang berpusat di United Kingdom, Shenzhen Semiconductor Industry Association (China) selain Phison Malaysia dan SkyeChip.

Majlis itu sempena pelancaran Sidang Kemuncak KL20 dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hadir sama, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli, Menteri Digital Gobind Singh Deo, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim serta EXCO Pelaburan Ng Sze Han.

Kai Ping juga menjelaskan pusat berkeluasan 45,000 kaki persegi sebagai permulaan akan ditambah kepada 60,000 kaki persegi bagi menampung keperluan industri.

"Daripada bangunan tiga tingkat, kita akan luaskan kepada enam tingkat. Kita terima permintaan tinggi dari pemain antarabangsa yang mahu melabur di sini," katanya lagi.

Dalam sidang Dewan Negeri Selangor sebelum ini, Sze Han berkata Selangor akan mengumumkan pelan pembangunan semikonduktor bagi menjana potensi pelaburan tinggi ke negeri itu.

Menurutnya, pelan yang akan diumum Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam masa terdekat menyediakan ekosistem industri semikonduktor lebih baik berbanding sebelum ini.

## RM1,500 ringan beban mangsa bah

**SHAH ALAM -** Kerajaan menghulur bantuan RM1,500 kepada setiap keluarga yang berteduh di pusat pemindahan sementara (PPS) selepas kediaman mereka terjejas banjir baru-baru ini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi berkata RM1,000 disumbangkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) manakala RM500 lagi oleh Kerajaan Negeri.

"Sebanyak 178 keluarga yang tinggal di tiga PPS iaitu 90 keluarga di daerah Petaling, 15 keluarga di Kuala Selangor dan 73 keluarga di Klang.

"Bantuan sekali bayar itu akan diserahkan kepada setiap isi rumah yang berlindung di PPS pada musibah banjir baru-baru ini," katanya pada 23 April.

Najwan berkata mangsa yang tidak berlindung di PPS juga dibenarkan memohon bantuan kewangan berkenaan.

"Mereka yang tidak tinggal di PPS boleh membuat laporan polis mengenai bencana masing-masing dan kemukakan permohonan ke pejabat daerah untuk kita selaraskan bantuan," katanya.

Hujan lebat luar biasa dan berpanjangan baru-baru ini menenggelamkan beberapa kawasan antaranya di Sungai Buloh, Subang dan Meru.



## Mohon ADN Muda hingga 3 Mei

**SHAH ALAM -** Pejabat Speaker dan Dewan Negeri Selangor (DNS) menganjurkan program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor 2024 pada 27 dan 28 Mei.

Speaker Lau Weng San memberitahu program tersebut memberi peluang kepada belia untuk menimba pengalaman sebagai wakil rakyat termasuk membahaskan usul seperti amalan dalam sidang DNS.

Katanya, program bersama Persatuan Pendemokrasian Sosial (SocDem Malaysia) dan Ahli Parlimen Belia Selangor itu juga mendidik peserta memahami proses menggubal undang-undang negeri.

Permohonan dibuka sehingga 3 Mei. Pautan borang boleh didapati menerusi Instagram, Facebook ADN Muda Selangor atau laman sesawang dewan.selangor.gov.my

## RM10,000 hadiah pertandingan foto

**SHAH ALAM -** Orang ramai berpeluang memenangi hadiah wang tunai keseluruhan RM10,000 dalam Pertandingan Fotografi Shah Alam 2024 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pertandingan bertema mercu tanda, alam semula jadi, gaya hidup dan panorama malam di sekitar bandar raya berkenaan berlangsung antara 25 Mac hingga 31 Ogos.

"Jom ramai-ramai sertai pertandingan ini untuk merebut hadiah wang tunai," kata kenyataan pihak berkuasa tempatan itu di Facebook baru-baru ini.

Hadiah yang ditawarkan bagi kategori awam adalah RM2,000 untuk johan diikuti naib johan (RM1,500), tempat ketiga (RM1,000) dan sagu hati (RM200 untuk lima pemenang).

## Ringankan beban mangsa kebakaran

**SHAH ALAM -** Keluarga terjejas kebakaran di Kampung Jenjarom, Kuala Langat baru-baru ini menerima sumbangan RM500 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Sumbangan berkenaan sebagai tanda keprihatinan dan LZS berharap bantuan tersebut sedikit sebanyak membantu untuk meringankan beban keluarga berkenaan.

"Ketua penolong amil kariah hadir bagi menyalur bantuan kecemasan bencana bagi meringankan beban yang ditanggung. Semoga mereka tabah menghadapi dugaan dan ujian di bulan mulia ini.

"Terima kasih pengeluar zakat. Terus membantu dengan menunaikan zakat menerusi fpx.zakatselangor.com.my. Sedikit daripada anda, segalanya buat mereka," kata kenyataan di Facebook pada 20 April.

# Tengku Amir santap dengan rakyat

**HULU LANGAT -** Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor memulakan siri jelajah Rumpun Selangor peringkat daerah Hulu Langat selama tiga hari bermula 24 April.

Diiringi EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail, Tengku Amir Shah berkenan bersantap bersama kira-kira 150 penduduk setempat di Warung Kak Lia di Teras Jernang di sini pada hari pertama.

Baginda kemudian bertemu dan mendengar taklimat wakil agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan berhubung pelbagai pembangunan di daerah ini.

Sehingga 26 April, Tengku Amir Shah dijadual melawat beberapa lokasi antaranya Masjid Al-Ubudiah di Kampung Tasek Tambahan, Ampang dan Laman Medan Selera Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Selain itu, Baginda juga bakal mengunjungi pasar malam Downtown Jalan Reko, warung Roti Canai Teras Jernang, Kajang Wall Mural, Medan Sate Kajang dan Bangi Square 2.

Pelbagai acara menarik di setiap lokasi antaranya klinik bola sepak serta walkabout bersama pemain Selangor FC, persembahan silat, tarian, kebudayaan, muzik jalanan, rewang dan santapan kenduri.

### Jasa mantan ADN Kuala Kubu Baharu

# Ganti paip usang, jalan rosak

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**HULU SELANGOR -** Masalah paip bocor selama 60 tahun yang dihadapi penduduk Kampung Asam Kumbang, dekat sini selesai selepas mendapat perhatian mendiang Lee Kee Hiong.



Pengerusi majlis pengurusan komuniti kampung berkenaan berkata mantan wakil rakyat itu berusaha memastikan penduduk menikmati bekalan air tanpa gangguan susulan aduan diterima setiap minggu.

"Pada 2018 mendiang usahakan (pembaikan paip) dengan minta dana termasuk daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. Dalam tempoh setahun, pada 2019 masalah selesai. Kita dapat paip baharu.

"Inisiatif ini memanfaatkan lebih 350 keluarga. Sekarang masalah bekalan air tidak lagi menjadi masalah. Semua kerana mendiang yang bantu," kata Simon Chen.

Jelasnya lagi, Kee Hiong juga individu penting yang membolehkan penduduk kampung berkenaan menerima jalan baharu, menggantikan laluan lama yang berlopak dan tidak rata.

Pada 21 Mac, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Kubu Baharu Kee Hiong, 58, meninggal dunia selepas bertarung dengan penyakit barah sejak beberapa tahun lalu.

Dalam pilihan raya negeri lalu, wakil rakyat tiga penggal di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan menewaskan calon Gerakan Teoh Kien Hong dengan majoriti 4,119 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian awal pilihan raya kecil di DUN berkenaan masing-masing pada 27 April (Sabtu) dan 7 Mei (Selasa).

# Saman aktivis politik lontar fitnah

**SHAH ALAM -** Aktivis pembangkang berdepan tindakan saman berikutan perbuatan melempar tuduhan tidak berasas terhadap Dato' Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

Setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar menjelaskan tuduhan Badrulhisham Shahrin atau Chegu Bard tidak jauh beza dengan tohmahan sebelum ini yang menyebabkannya disaman Amirudin.

Saifuddin Shafi Muhammad juga menyifatkan tuduhan terbaru itu tidak ubah seperti episod ulang siar yang dibuat Chegu Bard dalam kempen pilihan raya negeri Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata aktivis berkenaan bakal menyertai kelompok pemimpin pembangkang yang disaman Amirudin akibat kesalahan fakta semata-mata demi meraih keuntungan politik.

"Dengan beberapa fakta salah dan tersasar yang dikenal pasti melalui hantaran beliau (Chegu Bard) terdahulu, kami dengan segala hormatnya mengalu-alukan beliau menyertai kelompok individu yang akan disaman," katanya dalam kenyataan pada 20 April.

Baru-baru ini, Chegu Bard mendakwa Amirudin meluluskan tanah secara salah dan mengaitkannya dengan Landasan Lumayan Berjaya Sdn Bhd, syarikat yang memajukan pesisiran Sungai Klang.

Saifuddin memberitahu Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor terbuka dan sedia bekerjasama kepada pihak berkuasa bagi membersihkan nama Dato' Menteri Besar berkaitan dakwaan tersebut.

"Taktik ini tidak lain merupakan cubaan terdesak pihak tertentu menjelang pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu yang sangat mudah dibaca jalan cerita dan skripnya," kata beliau lagi.

# Kapasiti empangan, sungai baik

**SHAH ALAM -** Takungan air semua tujuh empangan di Selangor dalam kapasiti baik, melebihi 73 peratus setakat 18 April, menurut Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Memaklumkan kapasiti itu boleh bertahan dua hingga enam bulan tanpa hujan, LUAS memberitahu sumber air alternatif meliputi 100 kolam takungan pula boleh bertahan tiga bulan tanpa hujan.

"Keseluruhannya, tempoh ketahanan sumber air mentah di Selangor adalah sekitar sembilan bulan tanpa hujan," menurut kenyataan di Facebook.

LUAS juga menjelaskan paras aliran sungai semasa seluruh 34 muka sauk loji rawatan air (LRA) di seluruh negeri juga berada pada paras normal.

Pembangunan kolam takungan air serta sumber air mentah dalam program Skim Jaminan Air Mentah Selangor (SJAM) membantu meningkatkan simpanan daripada enam bulan kepada sembilan bulan.

## Penduduk puji inisiatif PKPS

# Manfaat peluang anjur jualan murah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**PETALING JAYA -** Inisiatif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka tempahan dalam talian untuk mengadakan jualan murah mendorong orang ramai menganjurkan program itu sekitar kediaman mereka.



Penduduk rumah pangsa Bandar Bukit Puchong Nor Fazliana M Amir, 31, yang dibenarkan menganjurkan Jualan Ehsan Rahmah (JER) selepas membaca hebahan PKPS di Facebook.

"Februari lalu, saya isi borang di pautan, kemudian diminta pilih tarikh. Prosesnya mudah dan harap terus buka kepada umum berbanding hanya (pejabat) Dewan Undangan Negeri sahaja mohon.

"Dahulu, kami pergi JER kawasan lain tetapi hari ini lori JER datang ke sini. Kira-kira 300 penduduk dapat membeli barangan keperluan pada harga murah," katanya pada 16 April.

Sebelum ini, PKPS memaklumkan mana-mana pihak yang mahu memohon untuk menganjurkan JER dalam talian menerusi pautan forms.gle/3xE6acRZRv17X2zT6

Pemandu lori, Azahari Ishak, 52, pula menganggap JER menjadi penyelamat untuk menampung keperluan makanan keluarganya berikutan pendapatan beliau tidak menentu kebelakangan ini.

"Beli RM74 ringgit boleh dapat ayam, telur, beras, minyak dan daging, kalau di luar mencecah lebih RM150. Memang sangat membantu program ini dan saya harap ia diteruskan," katanya.

Kakitangan swasta Zaida Ishak, 42, pula mengunjungi jualan murah di kawasan berdekatan sebelum ini untuk membeli barangan keperluan kerana menyara tiga lagi adiknya.

"Setiap minggu keperluan kami sekurang-kurangnya RM150 untuk makan, jadi beli di JER boleh jimat dan lebihan itu disalur kepada bayar bil air dan elektrik," katanya.



JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM13).

Semak lokasi lengkap jualan murah setiap hari (kecuali Jumaat dan cuti umum) di Facebook PKPS atau pautan linktr.ee/myPKPS

## Kutipan sampah raya menurun

**SHAH ALAM -** Kutipan sampah domestik di seluruh Selangor mencatat penurunan sepanjang minggu pertama Aidilfitri.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Dato' Ramli Mohd Tahir berkata penurunan itu disebabkan masyarakat pulang ke kampung.

"Pada dua hari sebelum Aidilfitri kutipan mencatat sekitar 5,000 hingga 6,000 tan sehari. Namun, pada awal Aidilfitri kutipan hanya sekitar 4,000 tan sehari berbanding hampir 7,000 tan tahun lalu," katanya pada 23 April.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan dua lagi pusat kitar semula pandu lalu automatik (ATDReC) akan dibuka pada tahun ini.

"Pusat kitar semula ini dibina untuk memudahkan orang awam membuang sampah kitar semula di tempat yang lebih selesa. Urusan pembayaran barangan kitar semula dilakukan dalam tempoh 48 jam.

"Setakat ini, pusat ini beroperasi di Sepang sahaja dan kita jangka akan buka di dua lagi pihak berkuasa tempatan," katanya.

Mac lalu, ATDReC pertama dibuka di Cyberjaya bagi kemudahan orang ramai selain meningkatkan kesedaran amalan kitar semula.





Prof Dr Siti Zainon Ismail menunjukkan bakat melukis di Pasar Awam Kuala Kubu Bharu pada 26 Disember 2015




Lee bersama Sasterawan Negara Prof Emeritus Muhammad Haji Salleh (tengah) dan Prof Dr Siti Zainon Ismail (tiga, kiri) ketika pelancaran buku pada 25 Disember 2015



Lee menyambut aktivis teater Indonesia Ken Zuraida, balu seniman terkenal WS Rendra, untuk berforum tentang buku puisi suaminya pada 31 Mac 2017




Lee melancarkan buku A Town Planning History: Charles Reade Town Planning British Malaya 1921-1929 karya Kamaruldin Shamsuddin pada 14 Ogos 2015

# Lee hargai budaya Melayu

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **FACEBOOK LEE KEE HIONG**

Mendiang Lee Kee Hiong yang dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri Kuala Kubu Baharu (KKB) sejak 2013 terkenal akrab dengan budaya Melayu dan Islam sepanjang perkhidmatannya.

Beliau bersungguh-sungguh menghidupkan kesenian Melayu, bahkan mengundang Sasterawan Negara (SN) Datuk A Samad Said atau Pak Samad dan Prof Dr Siti Zainon Ismail berkampung di KKB.

Dalam acara Seni dan Masyarakat bersama Pak Samad selama tiga hari mulai 8 Oktober 2015, penulis novel Hujan Pagi itu mencurah pengalaman dan pemikirannya bersama penduduk tempatan.

Beliau juga melancarkan pameran lukisan di Galeri Seni dan Sastera Hulu Selangor dan melawat mural karya anak tempatan yang dilukis pada dinding bangunan sekitar pekan selain berpuisi di Dataran Kota Kubu Bharu.

Dua bulan kemudian, Siti Zainon pula dijemput mengadakan program sama termasuk memberi penerangan mengenai adab berbusana Melayu di Galeri Sejarah KKB pada 25 dan 26 Disember.

Menurut Pengerusi Sejarah Kuala Kubu (Peskubu) Md Ridzuan Idris yang terlibat dalam acara tersebut, Kee Hiong menanggung perbelanjaan program berkenaan.

"Kami sediakan program. Beliau beri dana (perbelanjaan). Semua datang daripada pejabat YB," katanya yang menyifatkan wakil rakyat itu gigih menyemarakkan seni dan budaya Melayu.

Kedua-dua acara tersebut dijalankan dengan kerjasama Seniman Paksi Rakyat (Paksi). Program itu menggamit kehadiran budayawan, sasterawan dan penggiat seni tempatan. Malah, SN Muhammad Haji Salleh hadir sama. Penyair Indonesia juga menyertai acara berkenaan.

**Martabat jawi**

Kee Hiong juga dipuji Siti Zainon berikutan mendiang mengutamakan jawi dan bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris dalam tulisan poster penganjuran acara seni bertaraf antarabangsa.

"Syabas Kuala Kubu Bharu. Poster sejarah seni yang memaknai warna budaya tanah air. Memartabat jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," kata budayawan itu pada 28 November 2018 di Facebook.

Keprihatinan terhadap tulisan jawi tidak berakhir di situ. Mendiang mengadakan Pertandingan Tulisan Khat (Jawi) dan Kaligrafi Cina yang disertai pelbagai kaum pada 2 Disember 2019.

Program julung kali itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM1,000, naib juara (RM800), ketiga (RM500) disertai 80 peserta dari Selangor, Johor, Melaka, Kelantan, Pahang dan Perak.

Bagi Pesta Seni Antarabangsa Kuala Kubu Bharu pula, acara berkenaan menjulang imej KKB di pentas dunia berikutan kira-kira 30 pelukis daripada 14 negara berkampung selama 10 hari.

Karyawan China, Sri Lanka dan Jepun melukis, berforum dan berbengkel di Perpustakaan Syed Mashor Kuala Kubu Bharu dalam penganjuran mulai 1 Disember 2016.

Penggiat teater Indonesia Ken Zuraida, isteri penyair terkenal Indonesia WS Rendra, juga berbengkel bersama penggiat seni tempatan di Galeri Seni pada 1 dan 2 April 2017.

Mendiang juga melancarkan buku yang merakam sejarah dan keunikan KKB. Pertama, A Town Planning History: Charles Reade Town Planning British Malaya 1921-1929 karya Kamaruldin Shamsuddin pada 2015.

Sebuah lagi, buku Small Town hasil tulisan bekas wartawan Rehman Rashid dirasmikan pada 23 Oktober 2016.

"Saya rasa beliau patut dikenang kerana mengembangkan seni dan budaya di Kuala Kubu Bharu," kata Md Ridzuan merujuk pemergian Kee Hiong pada 21 Mac akibat barah yang dihidapinya sejak beberapa tahun lalu.

Berikutan kekosongan kerusi tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan pilihan raya kecil pada 11 Mei manakala pengundian awal pada 7 Mei. Proses penamaan calon 27 April.

PRK berkenaan yang ketujuh diadakan selepas pilihan raya umum 2023. Seramai 40,226 pengundi berdaftar di DUN tersebut termasuk polis dan tentera.

pancawarna
Selangorkini | Edisi 25April - 1 Mei 2024 | www.selangorkini.my

# Waspada kelompok perguna agama

*Teks penuh titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ketika perasmian Masjid Damansara Perdana di Petaling Jaya pada 5 April.*



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Beta diberi kesempatan untuk hadir pada petang ini bagi merasmikan masjid ke-10 dan juga yang terakhir bagi bulan Ramadan tahun 2024 bersamaan tahun 1445 Hijrah kali ini.

Beta ingin mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) serta semua pihak yang terlibat, termasuk jawatankuasa pengurusan setiap masjid-masjid di Negeri Selangor yang bertanggungjawab menganjurkan Majlis-majlis Ihya' Ramadan tahun ini.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Beta telah dapat menyampaikan sumbangan Hari Raya daripada Lembaga Zakat Selangor yang telah dikelolakan oleh Jais kepada seramai 5,183 orang yang terdiri daripada golongan asnaf, fakir miskin dan mualaf di daerah-daerah negeri Selangor membabitkan jumlah keseluruhan RM2,591,500.

Selain daripada itu, Beta difahamkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah memperuntukkan sebanyak RM1.7 juta bagi sumbangan kepada 11,386 orang anak-anak yatim di Negeri Selangor sempena sambutan Hari Raya pada tahun 2024 yang telah disampaikan oleh Raja Muda Selangor.

Sesungguhnya Beta berasa bangga dan terharu melihat sendiri perpaduan, kerjasama dan sifat tolong-menolong antara satu sama lain yang dipamerkan oleh orang-orang Melayu Islam di negeri yang Beta kasihi ini khususnya pada bulan yang mulia ini.

Beta berharap orang-orang Melayu akan terus mengambil jalan perpaduan dan memperkukuh keharmonian demi menunjukkan kekuatan bangsa dan ummah.

Sekiranya negeri Selangor yang terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa dan agama ini ingin lebih maju dan progresif, perpaduan dan kerjasama yang terjalin di kalangan rakyat sekarang ini hendaklah dipertahankan dan perlu terus ditingkatkan.

Jauhkan daripada sikap berprasangka buruk antara satu dengan yang lain dan hendaklah kita sentiasa suburkan sikap toleransi demi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di negeri Selangor ini.

Negara yang rakyatnya tidak bersatu padu dan berpecah belah, tidak akan dapat mencapai kemajuan dan kejayaan yang diharapkan.

Oleh itu Beta menyeru kepada pemimpin-pemimpin politik agar memainkan peranan mereka bagi menyatupadukan rakyat yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama ini dan tidak mengeruhkan keadaan dengan membangkitkan isu-isu yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan rakyat.

**Agenda tersembunyi**

Pemimpin-pemimpin politik hendaklah memikirkan pendekatan terbaik untuk menyatupadukan rakyat seperti mengambil pendekatan menggunakan platform media sosial bagi membentuk rasa hormat-menghormati dan persefahaman antara satu sama lain demi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat di negara kita.

Beta sentiasa mendoakan agar orang Melayu Islam di negeri Beta ini dijauhi daripada sifat dan sikap yang tidak baik dan dilarang oleh Islam seperti menipu, mengadu domba, memfitnah dan juga mencaci. Beta tidak mahu sikap-sikap buruk ini terus berleluasa khususnya di media-media sosial.

Apa yang membimbangkan Beta, sikap-sikap buruk yang dilarang oleh agama Islam ini telah mula menular di kalangan segelintir golongan terpelajar.

Beta dapati akhir-akhir ini ramai yang mengaku diri mereka sebagai agamawan atau ilmuan dan telah cuba mempengaruhi rakyat dengan menyampaikan pendapat dan hujah-hujah mengenai isu-isu agama, namun sebaliknya mempunyai agenda peribadi yang tersembunyi bak kata pepatah melayu 'ada udang di sebalik batu' dalam setiap tindakan yang dibuat.

Mereka ini menggunakan agama, kedudukan dan populariti untuk meraih sokongan masyarakat dan sanggup melihat umat Islam di negara ini berpecah belah.

Oleh yang demikian, Beta suka menasihatkan kepada seluruh umat Islam supaya sentiasa berwaspada dan bijak dalam menilai siapa yang sebenarnya ulama' sejati dan siapa yang hanya mempergunakan agama untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu.

Akhir sekali, Beta ingin mengajak seluruh umat Islam supaya dapat terus meningkatkan amal ibadah di penghujung bulan Ramadan tahun ini dan dapat menjalani kehidupan berpandukan ajaran Al-Quran, insya-Allah, kita akan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhi dari malapetaka dan bencana.

Beta mendoakan semoga segala amalan dan ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini akan mampu menambah ketakwaan dan keimanan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dalam usaha kita menjadi hamba-Nya yang taat.

Di kesempatan ini, Beta dan Tengku Permaisuri Selangor ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh rakyat Negeri Selangor yang amat Beta kasihi. Sambutlah lebaran kali ini dengan penuh rasa kesyukuran.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta merasmikan Masjid Damansara Perdana.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh





# Kemudahan penduduk Kuala Kubu Baharu

Oleh **NAZLI IBRAHIM, NORRASYIDAH ARSHAD & SITI ROHAIZAH ZAINAL**



Pelbagai projek pembangunan kemudahan awam giat dijalankan mendiang Lee Kee Hiong sejak dipilih wakil rakyat Kuala Kubu Baharu (KKB) pada 2013.

Beliau sentiasa menjaga kebajikan rakyat, lebih-lebih lagi ada tujuh kampung tradisi, enam kampung baharu dan enam kampung Orang Asli, kebanyakannya berpendapatan rendah yang memerlukan pembelaan.

Terkenal dengan sikap ramah saat bersua orang ramai, beliau memastikan prasarana awam untuk masyarakat sentiasa mencukupi dan berfungsi dengan baik.

Kee Hiong berusaha menjayakan projek jutaan ringgit demi keselesaan rakyat antaranya melebar atau mengganti jambatan, membina masjid, menurap jalan dan menaik taraf pasar awam.

Ia termasuk menaik taraf 19 kemudahan awam menggunakan peruntukan Projek Selangor Penyayang yang disediakan Kerajaan Selangor, sebahagiannya telah siap akhir tahun lalu (rujuk jadual).

Sebaik menang kali ketiga di Dewan Undangan Negeri (DUN) KKB pada pilihan raya negeri lalu, beliau menyalur pelbagai bantuan kebajikan negeri kepada golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal, warga emas dan kanak-kanak.



Ia antaranya Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) iaitu RM300 sebulan kepada ibu tunggal, Skim Mesra Usia Emas (SMUE) pula menyediakan baucar beli-belah RM200 kepada warga emas manakala ahli Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) menerima kelengkapan persekolahan.

Ketika pandemik Covid-19 melanda pada 2022, Kee Hiong mengadakan program Vaksin Selangor (SELVAX) Booster dan peruntukan RM250,000 digunakan bagi membantu B40 dan orang kurang upaya.

Dalam Pakej Kita Selangor 1.0 dan 2.0, ribuan penduduk setempat termasuk pemandu bas, teksi, ibu tunggal dan individu yang hilang pekerjaan menerima manfaat hasil peruntukan RM100,000.

Penduduk yang ditimpa bencana lain juga tidak diabai. Kee Hiong menghulur bantuan wang ringgit dan bakul makanan kepada mangsa banjir, nelayan dan penghidap penyakit tertentu.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Simon Chen, Kee Hiong juga berjasa kerana mengatasi isu paip bocor yang berlarutan selama 60 tahun dan menjejaskan 350 penduduk Kampung Asam Kumbang.

"Paip sudah lama. Setiap minggu pasti ada laporan paip bocor. Selama jadi pengerusi, tiap minggu saya dapat aduan. Ini mendatangkan masalah kepada rutin harian penduduk.

"Pada 2018, mendiang usahakan. Minta peruntukan termasuk Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. Dalam tempoh setahun, masalah selesai. Kita dapat paip baharu," katanya kepada Selangorkini.

Bukan itu sahaja. Mantan wakil rakyat itu juga memainkan peranan penting dalam memastikan penduduk kampung berkenaan menerima jalan baharu.

"Jadi tar rosak. Ada berlopak, tidak rata. YB (Kee Hiong) yang berusaha bantu orang kampung ini dapat jalan baharu," kata beliau lagi.

Selain itu, meski KKB jauh dari ibu kota, beliau mengembleng tenaga memajukan kawasan itu supaya dikenali ramai dengan memulihara bangunan lama dan lokasi bersejarah selain kawasan rekreasi alam.






Sememangnya, Kerajaan Selangor mahu mengekal keunikan bangunan bersejarah sebelum atau pascamerdeka, sesuai kedudukan KKB sebagai bandar warisan bersejarah pertama.

Tiga monumen di KKB juga diwarta antara 19 tapak warisan di Selangor iaitu balai polis trafik KKB pada 2015, Masjid Ampang Pechah (2012) dan makam Saiyid Mansor Mohamad Ash-Shahab (1983).

Selangor pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut merangka Rancangan Kawasan Khas KKB 2025 bagi memastikan khazanah seni bina kolonial dan tempatan terpelihara.

Menurut Pengurus Komunikasi Korporat Tourism Selangor Ahmad Nazri Tashriq Rahmat, seramai 70,193 pelancong termasuk 7,328 dari luar negara mengunjungi KKB sepanjang tahun lalu.

"Pelbagai tarikan yang menarik kehadiran pelancong. Selain alam semula jadi, terdapat juga tempat penginapan, restoran dan acara atau festival diadakan di KKB," katanya lagi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian awal pilihan raya kecil di DUN berkenaan masing-masing pada 27 April (Sabtu) dan 7 Mei (Selasa).

Pada 21 Mac, Kee Hiong meninggal dunia akibat barah yang dihidapinya sejak beberapa tahun lalu. Berikutan itu, pilihan raya kecil ditetapkan pada 11 Mei manakala pengundian awal pada 7 Mei.

PRK berkenaan yang ketujuh diadakan selepas pilihan raya umum 2023. Terdapat seramai 40,226 pengundi berdaftar di DUN tersebut termasuk polis dan tentera.

## PROJEK UTAMA PEMBANGUNAN RAKYAT DUN KUALA KUBU BHARU

| PEMBANGUNAN | KOS (RM JUTA) | TAHUN SIAP |
|---|---|---|
| Pelebaran Jambatan Sungai Batang Kali | 24 | 2023 - September |
| Pembinaan Masjid Kampung Melayu, Rasa, Hulu Selangor | 13 | 2023 - Mac |
| Pembinaan wakaf di tanah perkuburan India Kerling | PSP | 2023 - Jun |
| Penggantian bumbung dan turap jalan di balai raya kuarters kakitangan, Jalan Hospital | PSP | 2023 - Jun |
| Pelebaran jambatan besi di Kampung Paya Dalam | PSP | 2023 - Jun |
| Naik taraf dewan dan bilik persalinan kolam air panas | PSP | 2023 - Jun |
| Penggantian bumbung balai raya Kampung Asam Kumbang dan Dewan Persatuan Kwang Yung Kwang Sai | PSP | 2023 - Jun |
| Naik taraf Pasar Awam Kuala Kubu Bharu | 1.5 | 2023 |
| Pembinaan Kuarters Integrasi Klinik Kesihatan Felda Soeharto, Hulu Bernam | 7 | 2023 |
| Pembinaan Kompleks Pertanian di Kalumpang | 2 | 2022 |
| Naik taraf Perpustakaan Awam Kuala Kubu Bharu | 3.2 | 2022 |
| Pembinaan Pejabat Veterinar Kuala Kubu Bharu | 1.5 | 2021 |
| Penggantian Jambatan Sungai Kerling | 6.4 | 2019 - Julai |
| Pembinaan Jambatan Sungai Kumbang | 5 | 2018 - November |
| Penggantian Jambatan Sungai Chiling | 4.7 | 2018 - Ogos |
| Penggantian jambatan di Sungai Selangor | 10.5 | 2018 - Januari |

**PSP** merujuk kepada Projek Selangor Penyayang. Setiap DUN menerima dana RM500,000 untuk menjayakan projek berkepentingan rakyat pada 2023. Peruntukan keseluruhan RM28juta.

## BANTUAN KEPADA PENDUDUK (OGOS 2023 - MAC 2024)

**336 penerima BINGKAS (RM3,600 setahun)**
- 161 Melayu
- 100 India
- 40 Cina
- 35 Orang Asli

**7,962 penerima Skim Mesra Usia Emas (baucar RM200 seorang)**
- 2,624 Melayu
- 1,338 India
- 3,857 Cina
- 143 lain-lain

**405 murid terima bantuan persekolahan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas)**
- beg sekolah
- bekas makanan
- alat tulis
- tabung

**Sumbangan tunai untuk B40**
- 11 keluarga di Kampung Sungai Jang Kerling
- RM12,300 untuk penghidap penyakit kronik

**Bantuan minyak hitam RM40**
- 240 baucar untuk penunggang motor






## SUMBANGAN BENCANA KEPADA PENDUDUK (2021 - 2022)

**BANTUAN BANJIR 2022**
- Salur RM43,800 kepada penduduk Kampung Jawa, Kampung Pasir dan Kampung Air Panas
- 120 penduduk terima bakul makanan dan minuman
- Bekal enjin sangkut 20 kuasa kuda untuk kerja menyelamat
- Pasang enjin RM8,500 percepat kerja pindah penduduk

**BANTUAN PANDEMIK COVID-19 2021-2022**
- Bakul makanan bernilai RM150,000 untuk B40
- RM100,000 untuk 2,526 penerima (Pakej Kita Selangor 1.0)
- RM50,000 buat 1,566 penerima (Pakej Kita Selangor 2.0)
- Anjur pemberian vaksin percuma
- 1,000 dos penggalak Sinovac secara percuma





**Sumber** Pusat Khidmat DUN Kuala Kubu Baharu



Dato' Menteri Besar bertemu tetamu ketika jamuan Aidifitri di balai raya lama Kampung Pasir Kerling, Hulu Selangor pada 5 Syawal bersamaan 14 April



Anwar beramah mesra bersama rakyat ketika tiba di Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor untuk solat Jumaat pada hari raya ketiga sebelum menyertai jamuan Aidilfitri



Amirudin dan Jamaliah, EXCO alam sekitar, menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada jamuan Aidilfitri Taman Seri Batang Kali, Hulu Selangor pada 14 April



Kanak-kanak berbaris untuk menerima duit raya daripada Najwan, EXCO belia, pemberdayaan usahawan dan pengurusan bencana, di Seksyen 7, Shah Alam pada 21 April




Anfaal, EXCO pembangunan wanita dan kebajikan masyarakat, berucap di hadapan pengunjung rumah terbuka di Selayang, Gombak pada 20 April



Rizam, EXCO kemajuan desa dan luar bandar, bersama penduduk Kampung Tebuk Jawa, Sabak Bernam yang menikmati juadah raya pada 20 April



Tetamu wanita pelbagai kaum turut bergembira dengan Jamaliah ketika majlis Aidilfitri perumahan Uptown Residence, Petaling Jaya pada 23 April

# Harmoni Syawal



Usai sembahyang sunat berjemaah, DYMM Sultan Sharafuddin dan DYTM Tengku Amir Shah mendengar khutbah Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 1 Syawal. Dato' Menteri Besar dan EXCO hal ehwal agama Islam mengiringi Baginda

Sambutan Aidilfitri berlangsung meriah. Umat Islam dengan penuh rasa syukur bertakbir dan menunaikan solat sunat berjemaah pada pagi Syawal (10 April).

Bersama-sama rakyat, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mengerjakan ibadah itu di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Turut berangkat, DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Hajah Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pula mengambil kesempatan beramah mesra dengan orang ramai di majlis rumah terbuka selepas 1 Syawal.

Tidak ketinggalan, EXCO negeri antaranya Datuk Rizam Ismail, Jamaliah Jamaluddin, Najwan Halimi, Dr Fahmi Ngah dan Anfaal Saari meraikan orang ramai di kawasan masing-masing.

Majlis sedemikian juga diadakan agensi negeri termasuk Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM).

Selain koleksi foto Facebook Selangor Royal Office dan agensi berkenaan, jurufoto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN, HAFIZ OTHMAN dan FITRI HAZIM HAZAM merakam kemeriahan pemimpin merayakan Syawal bersama rakyat.

Keterangan oleh HAFIZAN TAIB dan NADIAH ZAMLUS.



Dr Fahmi (tengah), EXCO hal ehwal agama Islam, meraikan tetamu di majlis jamuan Aidilfitri Surau Al-Amin PJS 10, Petaling Jaya pada 20 April



Ramai tetamu termasuk ketua komuniti menjamu selera di kawasan lapang rumah terbuka Parlimen Selayang dan DUN Taman Templer di Selayang, Gombak pada 20 April



Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Danial al-Rashid mengagihkan duit raya kepada tetamu cilik ketika sambutan Syawal di Seksyen 19, Shah Alam pada 22 April



Ketua Pegawai Eksekutif PNSB Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim (tiga, kanan) bergaya bersama kakitangan di rumah terbuka PNSB di Seksyen 13, Shah Alam pada 16 April



Tetamu rumah terbuka gembira menyapa Pengarah Urusan KDEBWM Dato' Ramli Mohd Tahir ketika rumah terbuka syarikat itu di Seksyen 14, Shah Alam pada 23 April



Umat Islam dengan penuh syukur menghadiri sembahyang sunat Aidilfitri secara berjemaah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 10 April



Penyelaras DUN Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad bersalaman dengan sekumpulan pemuda ketika program Bikes Meet x Raya di Batang Kali, Hulu Selangor pada 21 April



# 'Balik kampung' di negara asing

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

Menjadi tradisi acapkali lebaran, pasti umat Islam yang dalam perantauan akan pulang ke kampung halaman bertemu orang tua dan saudara-mara.

Mereka sanggup menempuh kesesakan lalu lintas berbelas jam bagi meraikan hari kemenangan bersama keluarga tercinta selepas sebulan berpuasa.

Namun, ada juga dalam kalangan orang Melayu-Islam memilih menyambut Aidilfitri melancong ke negara luar.

Begitulah bagi keluarga Siti Nur Mas Erah Amran. Rayanya tidak disambut dengan pulang ke desa dan makan rendang serta ketupat bersama saudara-mara, setiap kali Aidilfitri, mereka melancong.

Kata wanita berusia 40 tahun itu, melancong ketika Aidilfitri menyeronokkan. Jalan tidak sesak. Tempahan hotel juga banyak. Sekali gus tidak memeningkan kepala.



Berasal dari Permatang Pauh, Pulau Pinang, Siti Nur Mas Erah bersama ibu dan kakaknya kerap bercuti bersama selepas bapanya meninggal dunia 19 tahun lalu.

"Sebelum ini kami ke Melaka, Pahang dan Kuala Lumpur. Mungkin ada yang ingat kedai banyak tutup sewaktu perayaan kan? Sebenarnya ada saja kedai dibuka.

"Kami bertiga amat menyukai suasana tenang pada waktu berkenaan, nak bergerak ke mana-mana pun tidak sesak," katanya kepada Selangorkini pada 28 Mac.

> Kami bertiga amat menyukai suasana tenang pada waktu berkenaan, nak bergerak ke mana-mana pun tidak sesak

Hobi penulis sampingan itu melancong sendirian (bagpackers). Pernah ke Sri Lanka, Jepun, Indonesia, India, Jerman, Paris dan Itali.

Disebabkan itu, beliau mula mencabar diri. Dua tahun lalu, beliau memasang niat untuk merasai pengalaman menyambut Aidilfitri di negara asing. Ibunya yang berusia 80 tahun tidak membantah.

"Beberapa bulan sebelum Syawal saya sengaja cari tiket penerbangan murah. Pada waktu itu tiket ke Turkiye agak murah berbanding biasa.

"Ibu setuju, kakak saya pun sama. Kami putuskan untuk berhari raya di sana. Tapi sayangnya lupa pula memakai baju raya, rugi betul," luahnya. ▸

> Jika pakai samping pun, orang di sana ingat kita pakai skirt. Tanya mereka kenapa skirt berwarna-warni? Kami hanya mampu ketawa. Kalau perempuan yang pakai baju kurung tidak apa, sebab sudah biasa



Menceritakan suasana Aidilfitri di Turkiye, katanya suasana raya disambut sederhana. Tidak seperti di Malaysia.

Bezanya di sana rakyatnya kerap menyapa 'Eid Mubarak' ketika bertembung di jalanan. Malah peniaga makanan lebih suka berbelanja manisan.

"Jika kami masuk saja restoran, mesti mereka akan belanja manisan antaranya baklava, kunafa, halwa dan macam-macam lagi".

Tidak dinafikan, ada waktu hatinya rindu bila terkenang juadah enak di pagi Aidilfitri. Lemang, ketupat, rendang, kuah kacang dan pelbagai kuih-muih begitu menggamitnya.

Baginya, Syawal sudah cukup bermakna apabila masih bersama keluarga. Makanan dan pakaian baharu sekadar syarat perayaan.

"Lagipun raya tempoh sebulan, kadangkala Syawal ke-15 barulah kami bertemu sanak saudara," katanya lagi.

Terkenangkan memori di Turkiye dua tahun lalu, keluarga Siti Nur Mas Erah sekali lagi ke negara itu pada Aidilfitri tahun ini. Kali ini beliau dan keluarga berkampung di sana selama sebulan.

Bertolak pada 8 April, graduan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka itu menjelajah lebih banyak daerah di republik berkenaan berbanding dua tahun sebelumnya.

Sebelum ini, beliau hanya sempat ke Istanbul, Bursa dan Izmir. Lebaran tahun ini mereka menjelajah ke Eskisehir, Ankara, Konya, Antalya dan Edirne.

Tidak mahu menyesal seperti sebelumnya, kali ini Siti Nur Mas Erah sekeluarga siap sedia dengan beberapa pakaian baharu. Niatnya mahu merakam kenangan Aidilfitri lebih manis di republik diasaskan Mustafa Kemal Ataturk itu.

**Sembuh duka**

Rozani Abd Shukor Heng juga kerap berhari raya di negara asing. Namun, tidak seperti Siti Nur Mas Erah yang bercuti dengan keluarga. Wanita berusia 36 tahun itu melancong sendirian.

Tabiat itu bermula sejak 2014, setelah berpisah dengan suami.

Beliau hanya mahu membawa diri dan menyembuhkan duka di hati.

Pernah beraya di Jepun, Oman dan Madinah di Arab Saudi, wanita itu yang lebih mesra dipanggil Roza kagum dengan adat dan budaya sambutan Aidilfitri di negara-negara berkenaan.

Jika negara Islam, suasananya Aidilfitri masih terasa. Namun negara bukan Islam seperti Jepun amat berbeza. Suasana Aidilfitri hanya terasa bila bertemu rakan senegara.

"Jika pakai samping pun, orang di sana ingat kita pakai skirt. Tanya mereka kenapa skirt berwarna-warni? Kami hanya mampu ketawa. Kalau perempuan yang pakai baju kurung tidak apa, sebab sudah biasa.

"Cuma, pada hari itulah ramai orang asing akan cuba bergambar dengan kita jika pakai baju kurung ataupun kebaya. Mereka kata cantik," katanya.

Wanita kelahiran Pulau Pinang itu juga tidak ralat jika tiada menu raya lengkap. Biasanya sebahagian makanan sudah dibungkus rapi dibawa sebelum berangkat ke negara asing.

Namun jika inginkan kemeriahan, Roza biasanya ke pejabat kedutaan. Di situlah suasana sambutan Aidilfitri lebih meriah.

Bekerja sebagai pemandu pelancong peribadi juga membolehkan beliau ke luar negara lebih kerap dan selalu bertemu pelanggan yang melancong ketika Syawal.

Jelas Roza, rata-ratanya mengakui harga tiket penerbangan ke negara bukan Islam akan jatuh ketika musim Aidilfitri. Susulan permintaan kurang berbanding bulan lain.

"Biasanya yang melancong ini kerana tiada keluarga terdekat. Seperti sudah tiada ibu ayah. Kerana mahu mencari bahagia, mereka melancong untuk gembirakan hati," katanya lagi.

Tahun ini Roza memilih Kobe, Jepun sebagai destinasi berehat sambil menyambut hari raya pertama di negara itu.

Tinggal di sana selama 14 hari, niatnya mahu menyaksikan keunikan dan masyarakat Islam di situ meraikan perayaan berkenaan.



SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
**Fazallah Pit**
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
**Afeeqa Afeera Abdul Rasol**
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
**Afix Redzuan**
**Faridzwan Abdul Ghafar**

Pemangku ketua wartawan:
**Nadiah Zamlus**
sitinadiah@mediaselangor.com

Jurufoto kanan:
**Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman**

Ketua artis grafik:
**Azwa Malek**

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:
**Marniza Othman**
marniza@mediaselangor.com
**Ameen Azizul**
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
**Suziana Zulkifli**
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
**Adzhar Maludin**
adzharmaludin@mediaselangor.com

MediaSelangor
**Media Selangor Sdn Bhd,**
**Aras 11 Menara Bank Rakyat,**
**No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,**
**40000 Shah Alam, Selangor**
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**



# Polemik Makkah pusat masa



*Penyelidik di Universiti Teknologi Mara,*
***DR ZAMIR MOHYEDIN***
*seorang ahli fizik yang menulis lapan buku*

Baru-baru ini kita digemparkan dengan persoalan mengapa Greenwich (sebuah bandar di London, United Kingdom) dijadikan rujukan bagi menentukan waktu? Kenapa bukan di Makkah yang menjadi kiblat orang Islam?

Perkara ini menimbulkan keraguan ramai orang kerana dimomokkan dengan perbezaan waktu solat untuk menunaikan pelbagai ibadah seperti rukun ibadah haji, solat Jumaat dan sebagainya.

Katanya kalau Greenwich dijadikan rujukan, solat Jumaat jatuh pada hari Jumaat. Tetapi kalau rujuk Makkah, masih lagi Khamis bukan Jumaat. Kemudian, terdapat perbezaan waktu yang sangat ketara.

Mengikut Greenwich, jarak di antara Makkah dan Malaysia ialah lima jam, tetapi kalau Makkah dijadikan rujukan, jarak di antara Makkah dan Malaysia menjadi 19 jam.

Bagi menyelesaikan kekeliruan ini, kita kena tahu mengapa Greenwich dijadikan rujukan untuk menyesuaikan zon masa di seluruh dunia.

Faktornya ialah Greenwich merupakan tempat terletaknya Meridian Perdana yang mana garisan longitud 0 darjah terletak di situ.

Garisan Meridian Perdana bukan sahaja melintasi Greenwich tetapi di bandar lain juga di Perancis, Sepanyol dan beberapa negara Afrika.

Setiap jarak longitud 15 darjah dari Greenwich ke timur akan ditambah satu jam dan setiap longitud 15 darjah ke Barat akan ditolak satu jam.

Misalnya Makkah terletak di sekitar 40 darjah ke timur. Jadi, jika London jam 12 tengah hari, Makkah jadi sekitar jam 3 petang (GMT+3.00).

Kalau kita pergi ke Makkah, kita perlu selaraskan jam kita kepada GMT+3.00 untuk dapatkan waktu Makkah. Kalau di Kuala Lumpur, kita selaraskan pada GMT+7.00.

Kalau Makkah dijadikan rujukan pun, perbezaan zon masa tetap tidak berubah. Jarak di antara Makkah dan Kuala Lumpur tetap lima jam.

Cuma penyelarasan GMT sahaja akan berubah. Misalnya Kuala Lumpur yang sebelum ini GMT+7.00 akan jadi GMT+5.00. Perkara ini tidak dapat diubah kerana putaran Bumi yang bergerak dari barat ke timur.

**Meridian Perdana**

Persoalan mungkin timbul mengapa Meridian Perdana terletak di Greenwich? Bukan di Makkah? Kerana dari 1854 hinggalah ke 1884, ramai pedagang dan pelayar menjadikan Greenwich sebagai rujukan utama bagi menentukan masa dan kedudukan di laut.

Sebelum itu, manusia tidak dapat menentukan longitud Bumi dengan tepat kerana teknologi jam yang belum cukup maju.

Disebabkan ini, banyak malapetaka dan kemalangan terjadi semasa belayar yang boleh meragut banyak nyawa. Tahun 1707 direkodkan sebagai kemalangan laut paling buruk yang pernah melanda British.

Malapetaka itu telah meragut sekitar 2,000 nyawa pelayar kerana longitud tidak ditentukan dengan tepat.

Jam dapat menjadi penentu kedudukan di laut dengan melihat perbezaan di antara waktu tempatan dan waktu jam yang kita miliki.

Waktu tempatan dapat ditentukan melalui bayang matahari. Jika matahari terpacak atas kepala, itu menandakan waktu tengah hari.

Jika jam kita menunjukkan 9 pagi walaupun matahari atas kepala, itu bermakna kita telah berada ke arah timur dari Greenwich – kalau jam kita menjadikan Greenwich sebagai rujukan.

Malangnya jam pada zaman dulu berasaskan pendulum yang tidak begitu tepat. Malah, jam pendulum lebih jauh tersasar jika di atas laut yang terhuyung hayang.

Keadaan ini berubah apabila seorang pereka jam British John Harisson berjaya mencipta jam yang tepat dan kebal daripada sebarang gangguan iaitu jam kronometer pada 1761.

Pada kurun yang sama, ilmu pencartaan bintang juga telah berkembang bagi membolehkan pelayar belayar dengan lebih selamat dan tepat.

Semenjak itu, pada kurun ke-18 ramai pelayar telah dapat menentukan longitud dan kedudukan di laut dengan baik. Malah, masa itu belum ada lagi Meridian Perdana piawai seperti hari ini.

Setiap pelayar mempunyai rujukan masing-masing. Pelayar Perancis menjadikan Paris sebagai Meridian Perdana.

Pelayar Prusia (kini Jerman) menjadikan Berlin sebagai Meridian Perdana. Pelayar Denmark menjadikan Copenhagen sebagai Meridian Perdana.

Namun, majoriti pelayar dan pencartaan dibuat menjadikan Greenwich sebagai rujukan. Pada 1884, sebanyak 22 negara bersepakat untuk menjadikan Greenwich sebagai piawaian antarabangsa sehinggalah pada 1984.

Pada tahun itu, Meridian Perdana dianjakkan sedikit sebanyak 102 meter daripada garisan asal dan digunakan sampailah ke hari ini.

Mungkin ramai yang keliru. Walau Greenwich dijadikan rujukan bagi menyelaras zon masa, ia bukanlah bandar permulaan hari.

Malah, London tetap lebih lewat harinya berbanding Makkah dan Malaysia. Permulaan hari setiap hari ditentukan oleh Garisan Tarikh Antarabangsa yang terletak di tengah-tengah Lautan Pasifik.

Semakin dekat suatu negara itu dengan garisan ini, semakin cepatlah ia terkehadapan dalam kalendar. Malah, paling awal mengalami matahari terbit dan menyambut peristiwa-peristiwa tertentu.

Garisan Tarikh Antarabangsa diletakkan di Lautan Pasifik kerana kawasan itu tidak banyak daratan yang didiami oleh manusia.

Hal ini akan memudahkan pelbagai urusan manusia. Kita tidak akan mengalami kejadian satu negara mempunyai dua tarikh berbeza pada siang hari.

Jika Makkah digariskan sebagai tempat permulaan hari, ia memang boleh menyebabkan perbezaan waktu di antara Mekah dan Malaysia sampai 19 jam.

Perkara ini juga akan menimbulkan pelbagai isu kerana dalam satu garisan longitud yang menyentuh Makkah, banyak penduduk akan mempunyai dua tarikh berbeza dalam satu negara dan kawasan.

Secara kesimpulannya, tiada keperluan untuk menjadikan Makkah sebagai pusat rujukan penyelarasan zon masa dan menjadikannya sebagai zon permulaan hari kerana ia bukan tuntutan dalam agama.

Malah, ia akan menyusahkan dan mengelirukan ramai pihak termasuk umat Islam sendiri.




**DIGITAL...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mendengar penerangan pempamer ketika melawat reruai dalam Pelancaran Sidang Kemuncak KL20 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 22 April. Foto FIKRI YUSOF

### Tidak ambil kira latar belakang politik

# Dana kebajikan rakyat ditambah

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM -** Kerajaan terus menggiatkan lagi usaha menjayakan agenda reformasi dengan mempertingkat peruntukan kebajikan golongan memerlukan tanpa mengira latar belakang politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pentadbirannya tidak pernah mengurangkan dana kebajikan sebaliknya pelbagai bantuan ditambah kepada setiap kelompok yang memerlukan.

Beliau memberitahu dana bantuan RM800 juta juga disediakan untuk murid tahun satu hingga tingkatan lima, baik Melayu, Cina dan India termasuk di Sabah dan Sarawak sepanjang 2024.

"Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada tahun ini kita sediakan RM10 bilion berbanding tahun lalu hanya RM8 bilion. Seramai sembilan juta rakyat dapat manfaat.

"Sumbangan Asas Rahmah (SARA) pula kita tambah lima kali ganda daripada RM130 juta tahun lalu kepada RM700 juta, katanya dalam Konvensyen Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) ke-25.

Beliau yang juga presiden KEADILAN menyampaikan amanat itu di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di sini pada 21 April.

Anwar juga gembira berikutan tujuh negeri merekod sifar kemiskinan tegar setakat April melibatkan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Perak dan Johor.

"Setiap negeri yang saya lawati, soalan pertama saya ialah setakat mana selesaikan kemiskinan tegar. Saya tidak kira parti mana, tanggungjawab kerajaan mesti bantu selesaikan.

"Ini yang dikatakan reformasi, memberi manfaat kepada kepada orang miskin, pekerja ladang, nelayan di kampung, pekebun kecil Melayu, India di estet, penjawat awam. Ini memerlukan reformasi," katanya.

# Tingkat kemahiran sains, TVET

**SHAH ALAM -** Semua pihak diseru mempertingkat keupayaan dalam bidang sains, matematik serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi permintaan pelabur.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata ia penting kerana Malaysia menjadi perhatian dunia sebagai destinasi pelaburan penting berikutan kestabilan politik dan dasar ekonominya.

Katanya, dasar antaranya Transformasi Digital, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NTER) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 membantu pelabur melihat kekuatan negara.

"Malaysia sekarang dengan pelaburan (seperti) Infineon, Nvidia dan puluhan lagi, memerlukan 30,000 jurutera yang tidak dapat kita isi sepenuhnya," katanya seperti dilapor Bernama.

Beliau berucap dalam majlis sambutan Aidilfitri Madani peringkat Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, Melaka pada 22 April.

Anwar juga menyeru semua pihak supaya melakukan perubahan sikap dan minda bagi mengelakkan negara terus ketinggalan daripada pelbagai segi dengan tidak bergaduh dalam isu titik bengik.

"Berlarutan bergaduh dalam hal-hal kecil, meninggalkan hal pokok dan kita akan ketinggalan bukan sahaja dalam kalangan kaum yang bersaing tapi juga negara-negara maju," katanya.

## Umum skim gaji kakitangan 1 Mei

**SHAH ALAM -** Cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan kadar pendapatan penjawat awam akan diumum Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam perhimpunan Hari Pekerja.

Beliau berkata mesyuarat berkaitan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang membincangkan perincian struktur gaji penjawat awam hampir memuktamad penambahbaikan itu, lapor Bernama.

"Saya tegaskan komitmen menyelesaikan usaha tambah baik struktur gaji penjawat awam menerusi kajian SSPA di sebalik ekonomi negara yang mencabar kesan ketidaktentuan geopolitik dunia," katanya pada 19 April.

Meski pentadbiran kerajaan bersilih ganti sebelum ini, kajian berkaitan kadar upah penjawat awam tidak dijalankan selama 12 tahun mengakibatkan pendapatan mereka kekal di takuk lama.

## Kecam Israel bunuh 18 kanak-kanak

**SHAH ALAM -** Malaysia mengecam serangan Israel di bandar Rafah, selatan Gaza pada 21 April yang mengorbankan sekurang-kurangnya 22 rakyat Palestin termasuk 18 kanak-kanak.

Menurut Kementerian Luar, serangan itu menjejaskan lebih 1.5 juta rakyat Palestin yang berada di tempat perlindungan sementara yang sesak di kawasan seluas 64 kilometer persegi, lapor Bernama.

"Pencerobohan Israel menyebabkan kehilangan nyawa meningkat. Rafah benteng dan tempat perlindungan terakhir rakyat Palestin yang lari dari utara Gaza sejak 198 hari lalu," menurut kenyataan pada 23 April.

Pada bulan lalu, Israel diberi amaran oleh negara sekutunya untuk mengelak dari menyerang Rafah kerana ia satu kesilapan tetapi serangan berkenaan membuktikan kedegilan Israel.

## Elak anak orang Asli tercicir pendidikan

**SHAH ALAM -** Masalah keciciran pelajar di pedalaman khususnya Orang Asli berjaya dikurangkan hasil penubuhan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11).

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek memberitahu perkara itu terbukti berikutan kehadiran murid Sekolah Kebangsaan Sri Permai K9 di Gua Musang, Kelantan mencapai 100 peratus, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan kementerian akan memperluas sekolah K9 dan K11 ke seluruh negara supaya anak-anak Orang Asli dan penduduk peribumi tidak tercicir dari aspek pendidikan.

"Sekolah K9 dan K11 adalah komitmen kementerian yang memberi tumpuan sekolah rendah dan sekolah menengah dalam satu bangunan dan kawasan," katanya.

## Enam disiasat kes tuntutan palsu

**SHAH ALAM -** Anak menteri besar Perlis antara enam direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan dokumen tuntutan palsu bernilai RM600,000.

Majistret di Kangar Ana Rozana Mohd Nor membenarkan perintah reman dua hari terhadap kesemua suspek bermula 24 April selepas mendapat permohonan SPRM bagi menjalankan siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009, lapor Bernama.

"Keenam-enam suspek yang berusia 26 hingga 37 tahun itu ditahan antara pukul 7 hingga 8 pagi semalam (23 April) di sekitar Perlis bagi membantu siasatan," kata sumber kepada agensi berita itu.

Siasatan dilakukan berhubung kesalahan pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu sedangkan kerja-kerja berkenaan tidak dilaksanakan.

Projek itu melibatkan kerja baik pulih, pembekalan dan perkhidmatan sejak 2022.

## Selangor tertinggi tambah ahli parti

**SHAH ALAM -** Bilangan ahli Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) bertambah kepada 1,153,212 orang setakat 21 Mac, kata Setiausaha Agungnya Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau juga memberitahu Selangor memiliki jumlah keanggotaan tertinggi iaitu 344,386 orang diikuti Sabah (185,004), Sarawak (86,315) dan Perak (83,668) dan Kedah (68,726).

Berucap dalam Konvensyen 25 tahun KEADILAN di Pusat Konvensyen Ideal Shah Alam di sini pada 21 April, beliau berkata keahlian bertambah 16,529 orang antara 23 Jun 2023 hingga 21 Mac 2024.

Katanya, Selangor mencatat bilangan pertambahan tertinggi iaitu 5,770 anggota baharu diikuti Kelantan (2,027), Johor (1,878), Pulau Pinang (1,400) dan Sabah (1,115).

## Sasar 20 negara pemula niaga

**SHAH ALAM -** Malaysia berhasrat menjadi antara 20 negara terbaik dalam ekosistem pemula niaga global menjelang 2030 dengan menjadikan Kuala Lumpur hab pemula dan digital serantau.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Sidang Kemuncak KL20 selama dua hari mulai 22 April menjadi forum bagi memudah cara syarikat pemula dalam pelaburan bernilai tinggi.

Beliau yang juga menteri kewangan memberitahu forum berkenaan juga menggalakkan syarikat pemula berkembang ke luar negara dengan memanfaatkan rantaian ekosistem global yang lengkap.

Tegasnya lagi, Kerajaan Madani komited untuk membentuk ekosistem pemula yang dinamik bagi memposisikan Malaysia sebagai hab utama keusahawanan dan inovasi.

"Saya menghargai perkongsian wakil syarikat modal teroka dan pelabur yang hadir. Penting supaya dasar kerajaan mengambil kira perspektif dan strategi jangka panjang mereka.

"Tekad kerajaan mendukung syarikat pemula dengan dasar jelas merangkumi visi negara, kekuatan sumber dan perspektif pelabur," katanya selepas hadir majlis makan malam sempena sidang itu.

### Dana RM400 juta untuk 48 kem

# Baik pulih 28,808 rumah tentera

**HULU SELANGOR -** Sebanyak 28,808 unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) diselenggara hasil peruntukan RM400 juta yang disalur pada tahun ini, kata menteri pertahanan.

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin memberitahu jumlah berkenaan melibatkan RKAT 48 kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara, lapor Bernama.

Beliau berkata kehidupan anggota yang mendiami rumah tersebut tidak lagi perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri berikutan semua RKAT di seluruh negara akan dibaiki.

"Kita pastikan ia (masalah) tidak berlaku serta kita dapat meningkatkan keselesaan anggota," katanya dalam sidang media selepas melawat RKAT di Taman Seruling di sini pada 22 April.

Beliau yang meninjau perumahan dan bangunan kerajaan di Kem Erskine di sini menjelaskan 245 unit di taman berkenaan terlibat dalam kerja penyelenggaraan melalui peruntukan RM596,283.

Dalam Belanjawan 2024 yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, peruntukan RM400 juta disediakan untuk menyelenggara dan membaik pulih semua rumah RKAT.

Mohamed Khaled juga akan memantau proses penyelenggaraan dan baik pulih itu dengan melawat kem ATM di seluruh negara bagi memastikan kerja berkenaan dibuat seperti yang dirancang.

"Saya mahu melihat perancangan (baik pulih dan selenggara) memang dibelanjakan serta mendapatkan maklumat tempoh kerja (penyelenggaraan) itu dilaksanakan.

"Ini menunjukkan kerajaan komited soal kebajikan anggota kerana kita menghargai pengorbanan dan sumbangan mereka yang menjaga keselamatan serta kedaulatan negara," katanya.

## Lindungi anak bahaya media sosial

**SHAH ALAM -** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) mengingatkan ibu bapa untuk melindungi anak berusia bawah 13 tahun dengan memiliki sebarang akaun media sosial.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil juga menjelaskan SKMM percaya kanak-kanak pada usia demikian tidak sesuai untuk menggunakan mana-mana aplikasi media sosial, lapor Bernama.

"Saya beri amaran daripada MCMC, anak-anak bawah 13 tahun tidak dibenarkan memiliki akaun TikTok, Facebook, Instagram atau mana-mana akaun media sosial lain.



"Jika ada, ibu bapa tolong maklum kepada saya, kita akan tutup akaun tersebut," katanya dalam majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Lembah Pantai di ibu negara pada 22 April.

Menjelaskan kebanyakan syarat platform media sosial melarang golongan itu memiliki akaun, Fahmi berkata pembukaan akaun tiada kaedah pembuktian usia bagi memenuhi peraturan tersebut.

Justeru, beliau bercadang untuk mengadakan pertemuan pihak berkaitan seperti Meta untuk berbincang bagi menangani isu pemilikan akaun dalam kalangan kanak-kanak bawah usia 13 tahun.

"Harapan saya menjelang awal Mei, ada pengumuman mengenai perbincangan dengan semua platform media sosial khususnya keselamatan dalam talian berkaitan kanak kanak," katanya.

## Bina pusat jantung di Sabah

**SHAH ALAM -** Peruntukan segera RM80 juta disalur bagi membina Pusat Jantung Negara Sabah, kemudahan kesihatan kedua terbesar selepas Institut Jantung Negara di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan penubuhan itu berikutan perkhidmatan kardiologi di Sabah terbatas, menyebabkan ramai terpaksa mendapatkan rawatan di ibu negara.

Katanya, kemudahan di Hospital Queen Elizabeth 2, Kota Kinabalu tidak mencukupi walau ada makmal kateterisasi, dewan bedah kardiotorasik selain tiga pakar dan 120 jururawat.

"Dengan ini, saya umumkan kemudahan iaitu blok khas untuk jantung negara yang disebut sebagai Pusat Jantung Negara Sabah. Kita akan tambah segera tiga pakar, sokongan terlatih," katanya.

Air Selangor®

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

| Bil. | NO. TENDER | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | PN0000017873 | SUPPLY AND DELIVERY OF 12 NEW MOTORS FOR AIR SELANGOR'S CRITICAL PUMP HOUSES |
| 2. | PN0000018081 | SUPPLY AND DELIVERY OF PERSONAL COMPUTERS, MOBILE WORKSTATIONS, BUSINESS LAPTOPS AND ACCESSORIES FOR AIR SELANGOR (2024 – 2025) |
| 3. | PN0000017927 | RESERVOIR CLEANING SERVICES BY USING DIVING METHOD AT KLANG, GOMBAK, HULU SELANGOR AND HULU LANGAT REGIONS |

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

| Bil. | KETERANGAN |
|---|---|
| 1. | PRA-KELAYAKAN SEBAGAI PANEL METER 'NEW DEVELOPMENT' BAGI KERJA-KERJA PENUKARAN METER PUKAL (MEKANIKAL) UNTUK PENGURUSAN AIR SELANGOR |

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/pra-kelayakan di atas, sila layari laman web kami di **https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists** or **https://tender.airselangor.com.**



Mohamad Zahri (tengah) melawat tapak pameran sempena pelancaran Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti Petaling Jaya di Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya pada 22 April. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

# Muat turun aplikasi kitar semula

**PETALING JAYA -** Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyeru penduduk daerah itu memuat turun aplikasi 3R Famili.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata aplikasi itu platform untuk memudah cara penduduk berkomunikasi bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai kutipan kitar semula.

"Menerusi aplikasi ini ia memudahkan penduduk untuk tahu berhubung waktu kutipan kitar semula dilaksanakan MBPJ dan mereka juga boleh minta kutipan dibuat di tempat masing-masing.

"Kita juga menyeru ahli majlis untuk bersama membantu menguar-uarkan lagi untuk memuat turun aplikasi ini," katanya selepas merasmikan Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti Petaling Jaya 2024 di sini pada 22 April.

Mohamad Zahri turut menyeru orang awam menyalur aduan, cadangan atau permohonan menerusi sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MBPJ.

"Mulai 1 Mac lalu, MBPJ akan menaik taraf sistem e-Aduan kepada SISPAA. Justeru, aplikasi Mobile a-Aduan MBPJ pula dihentikan buat seketika.

"Setakat ini kita menerima aduan berhubung kejadian tanah runtuh, hujan lebat, pokok tumbang, sampah dan anjing," katanya.

## Manfaat 20,000 pengguna

# Khidmat van transit serendah RM2

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM -** Perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) diperluas ke kawasan Puchong menggunakan aplikasi Trek Rides DRT pada kadar serendah RM2 setiap perjalanan.

EXCO Mobiliti Ng Sze Han menjelaskan perkhidmatan hasil inisiatif DRT Selangor Mobiliti memudahkan penduduk setempat untuk ke stesen transit aliran ringan (LRT) berdekatan.

"Van ini dilengkapi kemudahan penyaman udara, besar dan selesa. Pengguna hanya perlu membuat tempahan menerusi aplikasi berkenaan seterusnya dihantar ke lokasi dipilih.

"Pengguna hanya perlu membayar RM2 sahaja setiap perjalanan. Ini subsidi daripada Kerajaan Negeri," katanya dalam rakaman di Facebook pada 18 April.

Dalam video tersebut, Sze Han yang juga wakil rakyat Kinrara membawa Ahli Parlimen Puchong Yeo Bee Yin untuk merasai pengalaman menggunakan perkhidmatan DRT.

Setakat Mac, seramai 19,918 penumpang menggunakan perkhidmatan tersebut meliputi lapan zon.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata van itu diperkenal bagi melengkapkan ekosistem pengangkutan awam atas permintaan menerusi aplikasi penghalaan pintar.

Perkhidmatan berkenaan juga melengkapi capaian di lokasi yang tidak dilalui Bas Smart Selangor berikutan isu laluan sempit.

# Rai Hari Bumi 28 April

**SHAH ALAM -** Pelbagai aktiviti menarik disediakan sempena sambutan Hari Bumi peringkat negeri dan Pesta Bumi Kita di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya pada 28 April.

EXCO alam sekitar memaklumkan bermula 9 pagi hingga 4 petang program disediakan termasuk pasar eko dan stesen permainan tradisional eko dengan hadiah menarik disediakan.

"Selain itu bengkel interaktif serta acara kesenian dan kebudayaan turut diadakan bagi menyebar kesedaran penjagaan alam sekitar dan bumi dalam kalangan komuniti.

"Anda juga boleh membawa barangan kitar semula termasuk sisa buangan elektronik (e-waste) dan tebus kredit hijau untuk membeli di pasar eko," kata Jamaliah Jamaluddin menerusi Facebook.

Jamaliah berkata pengunjung juga berpeluang menyertai bengkel cetakan skrin sutera (silkscreen) secara percuma dengan membawa beg terpakai seperti 'tote bag' dan baju-t sendiri.



## Jalin kerjasama bidang pertanian

**SHAH ALAM -** Universiti Selangor (Unisel) menjalin kerjasama dalam bidang pertanian dan agrikultur dengan universiti serta syarikat teknologi dari Korea Selatan.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporatnya Hasril Abu Hassan, kerjasama itu termasuk melanjutkan kajian terhadap teknologi mikroorganisma dalam bidang pertanian untuk jangka masa panjang.

"Unisel menerusi Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat (FKSH) mengadakan pertemuan dengan Safuan Korea, Korea Soongsil Cyber University, Korea Telecom dan Nonghyup Bank berkait kajian itu," katanya di Facebook pada 22 April.

Perjanjian ditandatangani Presiden dan Naib Canselor Unisel Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman bersama Pengerusi Safuan Korea Lee Kye Jin.

Turut hadir dalam acara berkenaan Presiden Pendidikan, Kajian dan Pembangunan Park Tan Sri Ahmad Zaki Ansore serta Pengarah Urusan Safuan Korea Park Safuan.

Hasril menjelaskan kerjasama bagi memperkasa pendidikan teknologi agrikultur dibuat hasil usaha sama Seoul Universiti dan Korea Advanced Institute of Science and Technology (Kaist).

## 4,239 tan barangan kitar semula

**PETALING JAYA -** Sebanyak 4,239 tan barangan kitar semula pelbagai jenis dikutip Majlis Bandaraya Petaling (MBPJ) sepanjang tahun lalu.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata sebanyak 1,917 tan diperoleh menerusi program kutipan kitar semula pintu ke pintu di 85 kawasan.

"Program kutipan pintu ke pintu yang bermula sejak 2020 membabitkan 54,500 unit kediaman dengan purata penyertaan penduduk 60.08 peratus sehingga kini.

"Konsep program ini adalah kita memberikan kotak kuning kepada peserta kemudian apabila kotak itu sudah penuh dengan barangan kitar semula mereka boleh hubungi MBPJ untuk kutipan," katanya.

Beliau merasmikan Program Karnival Kitar Semula Bersama Komuniti Petaling Jaya 2024 di Dewan Bankuet di sini pada 22 April.

Mohamad Zahri berkata karnival itu bertujuan meraikan dan menghargai peranan serta kerjasama diberi penduduk Petaling Jaya dan rakan strategik seperti Nestle Products Sen Bhd dan Tetra Pak Malaysia Sdn Bhd.

"Kita berharap program ini dapat memberi pendekatan secara terus kepada penduduk setempat berhubung kaedah pembuangan sampah dengan betul serta mempratikkan amalan kitar semula," ujarnya.

### Drama Ayah Panggil Balik

# Tonton ulangan drama di YouTube

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

**SHAH ALAM -** Orang ramai masih berpeluang menonton drama Ayah Panggil Balik terbitan Kerajaan Negeri di YouTube SelangorTV yang sebelum ini disiarkan di TV2.

Dibintangi pelakon terkenal tanah air antaranya Datuk Ahmad Tamimi Siregar, Zaidi Omar, Fazlina Ahmad Daud dan Syafie Naswip, tayangan hampir dua jam itu sarat mesej hidup berkeluarga.

Bukan hiburan semata-mata, EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah menegaskan langkah itu mahu menyedarkan rakyat mengenai wujudnya banyak program kebajikan di Selangor.



"Dalam drama ini, inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri diskripkan, sekali gus memudahkan penonton faham apa yang ditawar Selangor.

"Sejak Julai 2022, Kerajaan Negeri menyusun 47 program bawah Inisiatif Selangor Penyayang (ISP). Selain untuk semua warga Selangor, ISP menumpukan usaha meringankan beban kumpulan pendapatan rendah negeri ini," katanya pada 22 April.

Selain barisan pelakon mantap, lokasi penggambaran telefilem ini juga main peranan penting. Latar kampung tradisional membuatkan mata tidak terlepas menikmati keindahan Kampung Endah di Banting, Kuala Langat.

Pernah dinobatkan kampung terbaik Selangor, lokasi itu terletak antara inap desa tercantik di negeri ini. Justeru, anda boleh menonton drama berkenaan menerusi www.youtube.com/watch?v=_CBy-WKU8R8s

## Pinjam buku terbanyak

**SHAH ALAM -** Pinjaman buku di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) meningkat kepada 930,000 naskhah pada 2023 berbanding 738,818 tahun sebelumnya.

EXCO Belia Najwan Halimi berkata peningkatan berkenaan susulan penambahan jumlah pinjaman daripada 10 kepada 20 naskhah bagi seorang peminjam yang diperkenal sejak 1 Mac 2023.

Menurut beliau, rekod pinjaman buku berkenaan juga merupakan jumlah tertinggi sepanjang 52 tahun penubuhan PPAS.

"Rekod purata membaca rakyat Malaysia pada tahun lalu hanya mencatatkan jumlah bacaan 15 hingga 20 buku setahun atau kurang dari tiga jam seminggu.

"Saya percaya trend ini akan berubah ke arah menjayakan penganjuran Dekad Membaca Kebangsaan 2030," katanya ketika berucap di program Jom Baca Bersama 10 minit pada 23 April.

Bertema 'Baca dan Bahagia' serta 'Pembacaan Melestarikan Perpaduan', program peringkat negeri itu berlangsung di Perpustakaan Raja Tun Uda di sini.

Dianjur serentak di seluruh negara, program memasuki tahun ke-10 penganjurannya disertai kira-kira 300 peserta daripada agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah.

Najwan menambah inisiatif gerakan membaca serentak beramai-ramai di Selangor diperkenal PPAS pada 26 Jun 2010 yang dilancarkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

"Program ini kemudiannya diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records sebagai 'The Largest Outdoor Reading Event in Malaysia'," katanya.


SEPANG
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**
**Persiaran Semarak Api, Cyber 1**
**63200 CYBERJAYA**
**Selangor Darul Ehsan**

**KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

| BIL | NO. TENDER | TAJUK KERJA | BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | T/MPSepang/LAND/06/2024 | CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KELAB KOMUNITI TAMAN TASIK CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN | Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221002 - Membersih Kawasan DAN 221402 Hiasan Jalan/ Kawasan), SIJIL KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN UPEN | RM200.00 |

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web http://tender.selangor.gov.my atau di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **29 April 2024** hingga **20 Mei 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia **(MOF)** dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor **(UPEN)**. Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpalang atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **20 Mei 2024**.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



Pemain MBSJ FC Intan Sarah (tengah) melepasi kawalan pemain FC Japan Malaysia ketika membantu pasukannya menang 15-0 dalam perlawanan keempat Liga Super Wanita di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 20 April. Foto Persatuan Bola Sepak Selangor

Ulang rekod Liga Super Wanita 2021

# MBSJ belasah FC Japan Malaysia 15-0

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM -** MBSJ FC terus mengekalkan rekod tanpa kalah selepas membelasah FC Japan Malaysia 15-0 dalam perlawanan keempat Liga Super Wanita (WSL 2024) di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 20 April.

Fatin Shahida muncul pemain terbaik perlawanan dengan lima gol bermula minit ke-15, 25, 42, 62 dan 70 diikuti empat gol Intan Sarah selepas Nurlyana Soberi memulakan pesta jaringan seawal minit keempat.

Steffi Sarge Kaur turut mencatat nama sebagai penjaring pendahulu kumpulan A itu dengan hatrik pada lima minit terakhir permainan serta dua gol Lee Xin-Yi pada minit 50 dan 56.

Kemenangan terbesar tersebut mengulangi rekod cemerlang MBSJ FC yang menewaskan Rhym Rovers dengan jumlah jaringan sama pada 2021.

MBPJ FC turut mencatat kemenangan bergaya 9-0 ke atas Sternen FC untuk kekal di tempat kedua dengan 10 mata.

Nadia Roslan menambah koleksi jaringan musim ini selepas meledak tiga gol pada babak pertama bermula minit ke-13, 25 dan 29.

Farahiyah turut cemerlang menghasilkan dua jaringan buat MBPJ FC diikuti satu gol masing-masing daripada Nurul Nuha, Malini dan Nur Nasuha.

Turut menang besar Selangor FC yang menewaskan FC Swat 5-0 dengan empat gol disumbang Najwa Irdina selepas Ameesha Danya membuka tirai jaringan sewal minit kedua.

Sementara itu, dua gol Kanchenjeet Kaur dan satu gol Dian Aqilah membantu SSS Leopard FC mengatasi SA United 3-0 sekali gus merampas kedudukan pendahulu kumpulan B daripada Perkemas FC yang tewas mengejut 0-1 kepada PNSB FC.

Satu lagi perlawanan kumpulan sama menyaksikan Penang Real CJ mengutip tiga mata pertama musim ini menewaskan Galaxi Girls PJ 4-0.

# Tiga pasukan ujian Red Giants

**SHAH ALAM -** Red Giants bakal berdepan tiga pasukan dalam kejohanan pramusim Selangor Asia Challenge (SAC) 2024 edisi kedua yang membuka tirai pada 26 April.

Ketua pegawai eksekutif Selangor FC berkata kehadiran tiga pasukan Balestier Khalsa (Singapura), Young Elephants (Laos) dan Duli Pengiran Muda Mahkota FC (Brunei) akan memantapkan lagi persiapan pramusim kesemua pasukan.

Dr Johan Kamal Hamidon berkata acara itu mendedahkan pasukan kepada cabaran yang bakal dihadapi apabila bersaing dalam Liga Juara-Juara AFC 2 (ACL2).

"Selangor FC amat gembira kerana dapat menjadi tuan rumah edisi kedua kejohanan SAC. Pengurusan (pasukan) berusaha memberi lebih banyak pendedahan kepada pasukan agar mereka mendapat persiapan pra-musim yang baik musim ini.

"Di samping itu, SAC juga akan memberi peluang kepada penyokong untuk menyaksikan perlawanan pramusim yang kompetitif dan berkualiti," katanya dalam kenyataan di laman sesawang Selangor FC pada 20 April.

SAC yang dianjur buat kali pertama pada 2020 menampilkan empat pasukan iaitu Selangor FC, Bangkok United (Thailand), Hanoi FC (Vietnam) dan Persib Bandung (Indonesia).

Edisi lalu menyaksikan Bangkok United muncul juara selepas mengatasi cabaran Red Giants 4-2 menerusi penentuan sepakan penalti.

Semua perlawanan SAC 2024 berlangsung di Stadium MBPJ, Kelana Jaya jam 5 petang dan 9 malam pada 26 dan 28 April.

## Tiga pelumba trek layak ke Olimpik

**SHAH ALAM -** Tiga pelumba basikal trek negara Datuk Azizulhasni Awang, Muhammad Shah Firdaus Sahrom dan Nurul Izzah Izzati Mohd Asri layak ke Sukan Olimpik Paris 2024 yang berlangsung dari 23 Julai hingga 11 Ogos.

Timbalan presiden Persekutuan Berbasikal Kebangsaan Malaysia berkata badan induk itu menerima pengesahan tersebut menerusi pemberitahuan rasmi daripada Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) pada 23 April.

"Kami berbangga dengan komposisi pasukan trek kita di Paris, apabila Datuk Azizulhasni dan Shah Firdaus layak bagi dua acara iaitu keirin dan pecut.

"Nurul Izzah juga akan membuat penampilan pertama dalam kedua-dua acara di temasya sukan terbesar dunia itu," kata Datuk Amarjit Singh Gill seperti dilapor Berita Harian.

## Anjur semula liga hoki negeri

**SHAH ALAM -** Liga Hoki Selangor TNB-QNET (SHL) kembali dianjurkan bermula 20 April hingga 2 Jun dalam usaha mencungkil bakat baru sukan hoki di tanah air.

Presiden Persatuan Hoki Selangor S Ganesh berkata liga itu dipertandingkan dalam tiga divisyen dan terbuka kepada semua peringkat umur selepas kali terakhir dianjurkan sebelum pandemik Covid-19 pada 2019, lapor Bernama.

"Kita adakan liga ini untuk akar umbi, dan dengan dorongan Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) kita akan lebih giat adakan liga seperti ini," katanya dalam majlis pelancaran liga tersebut di Petaling Jaya.

Ganesh berkata lapan pasukan elit akan bertanding dalam divisyen pertama manakala 10 pasukan bersaing di divisyen 2 selain enam pasukan wanita dalam divisyen tiga.

## Sivasangari hampiri 10 terbaik dunia

**SHAH ALAM -** Jaguh skuasy wanita negara S Sivasangari menghampiri kelompok 10 pemain terbaik dunia selepas melonjak dua anak tangga menduduki tempat ke-11.

Beliau mengumpul purata 535 mata berdasarkan laman sesawang rasmi Jelajah Dunia Persatuan Skuasy Profesional (PSA) selepas juara edisi sulung kejohanan Klasik London menewaskan pemain kedua dunia Hania El Hammamy dari Mesir dalam perlawanan akhir awal bulan ini.

Dalam pada itu, dua lagi pemain wanita negara Rachel Arnold (275 mata) dan Aifa Azman (228 mata) masing-masing berada di kedudukan ke-28 dan 36.

Ainaa Amani kekal di tempat ke-58 manakala Yasshmita Jadish Kumar naik satu anak tangga ke-72 berdasarkan kedudukan terbaharu itu, lapor Bernama.



**MOHD KAMRI KAMARUDDIN**
**Bukit Antarabangsa**
melawat lokasi kemalangan kanak-kanak di Jalan Wangsa 6, Ampang Jaya



**LIM YI WEI**
**Kampung Tunku**
menghadiri jamuan raya di Masjid Kampung Tunku, Petaling Jaya



**MARIAM ABDUL RASHID**
**Meru**
gotong-royong membungkus makanan kepada mangsa banjir di DUN beliau



**DATUK JOHAN ABD AZIZ**
**Dusun Tua**
menyapa penduduk ketika jualan murah di kawasan DUN beliau.



**LEONG TUCK CHEE**
**Pandamaran**
bersama penerima bantuan kembali ke sekolah di Kampung Baru Pandamaran, Klang



**IZUAN KASIM**
**Kota Damansara**
mengagih sumbangan kepada mangsa bah di Lorong Tembusu, Shah Alam




**DANIAL AL-RASHID**
**Batu Tiga**
memeriahkan jamuan Aidilfitri anjuran penduduk di Padang Jawa, Shah Alam



**CHUA WEI KIAT**
**Rawang**
mendekati pengunjung rumah terbuka anjuran Parlimen Selayang dan DUN beliau

# 5,000 meriahkan sambutan raya



**SHAH ALAM -** Kira-kira 5,000 penduduk bandar raya ini memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik di Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini.

Wakil rakyatnya Najwan Halimi turut mengambil kesempatan meluang masa beramah mesra dengan tetamu selain menghulur sumbangan duit raya kepada kanak-kanak dalam majlis pada 21 April.

Beliau memberitahu program tersebut anjuran bersama Pusat Khidmat DUN Kota Anggerik, Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor), Persatuan Mencegah Dadah (Pemadam) Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor.

"Majlis ini bertujuan untuk merapatkan silaturahim dan menyatupadukan segenap lapisan masyarakat. Pelbagai juadah enak juga disediakan," katanya pada 21 April.

Dalam acara itu, kumpulan muzik jalanan Royal Ordnace Unplugged membuat persembahan nyanyian lagu-lagu raya bagi menghiburkan tetamu.

Turut hadir, Timbalan Speaker DUN Mohd Kamri Kamaruddin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah.

### Utamakan keselamatan pengguna

# Seru kerja ganti paip ikut piawaian

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**



**SHAH ALAM -** Kontraktor projek penggantian paip air di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Dusun Tua diingatkan supaya menjalankan kerja mengikut piawaian Jabatan Kerja Raya (JKR).

Wakil rakyatnya Datuk Johan Abdul Aziz mengakui kecewa berikutan kontraktor itu mengabai ciri-ciri keselamatan jalan raya semasa berbuat demikian meski amaran diberi beberapa kali.

Beliau dalam kenyataan di Facebook pada 19 April menegaskan tindakan akan diambil terhadap kontraktor tersebut jika mereka gagal menyelesaikan isu berkenaan pada kadar segera.

"Saya tidak pasti ini amaran ke berapa kali dikeluarkan berkenaan isu kerja penggantian paip air yang nampaknya tidak diendahkan kontraktor. Yang pastinya ini menjadi yang terakhir.

"Saya dan ahli parlimen (Hulu Langat Mohd Sany Hamzan) akan bertindak segera untuk memastikan kontraktor bertanggungjawab memantau dan menyelia kerja turapan.

"Atau saya sendiri mengambil tindakan terhadap sikap ketidakpedulian kontraktor yang jelas mengabai ciri-ciri keselamatan pengguna jalan raya," katanya pada 19 April.

Pada 12 April, beliau meluah kekecewaan berikutan kerja tersebut tidak mematuhi piawaian JKR kerja turapan jalan walaupun perkara itu dibangkitkan dalam Dewan Negeri Selangor pada Mac.

# Pameran kenderaan sempena Syawal



**HULU SELANGOR -** Kira-kira 500 orang memeriahkan Rumah Terbuka Aidilfitri Bikes Meet X Raya anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali di sini.

Penyelarasnya Saifuddin Shafi Muhammad berkata kira-kira 150 penunggang motor pelbagai jenis dan 40 pemandu kereta menyertai program berkenaan bersama penduduk setempat pada 21 April.

"Kita rancang untuk rai Aidilfitri bersama penduduk di Batang Kali dan rakan-rakan dalam bidang permotoran kerana mereka banyak membantu menjayakan pelbagai program sebelum ini.

"Pelbagai pengisian menarik sepanjang program ini. Selain jamuan raya, kita turut mengadakan cabutan bertuah dan pameran motosikal serta kereta-kereta cantik," kata beliau.

Katanya, program dengan kerjasama Rakan Digital Selangor dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) turut menyediakan 1,000 kupon Platform Selangor (PLATS) RM5 kepada pengunjung.

"Rakan Digital Selangor membawa 15 peniaga yang menyediakan pelbagai jenis juadah dan air balang untuk pengunjung membelanjakan kupon PLATS di sini.

"Kita sediakan juadah seperti lemang, rendang, goreng pisang dan air secara percuma. Tujuan menyediakan menu yang tidak terlalu banyak kerana mahu membantu peniaga tempatan," katanya.

# Sedia khidmat pembersihan pascabah



**SHAH ALAM -** Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara menyediakan khidmat pembersihan dan kemudahan tong sampah pukal (Roro) di lima lokasi terjejas banjir.

Wakil rakyat Izuan Kasim memberitahu kawasan berkenaan di Lorong Hajjah Lijah, Taman Setia Warisan, Jalan Merbau, Lorong Tembusu dan di Lot 3435, Kampung Melayu Subang.

"Tong Roro KDEB Waste Management Sdn Bhd dan Majlis Bandaraya Shah Alam diletak di beberapa tempat bagi memudahkan kerja pembersihan," katanya.

Sebelum ini, DUN tersebut turut mengagih pek makanan dan bantuan segera kepada kira-kira 300 keluarga di Kampung Melayu Subang yang terjejas banjir ekoran hujan lebat pada 16 April.

Kejadian tersebut menjejaskan 403 mangsa daripada 88 keluarga sekitar Taman Saujana Aman, Kuala Selangor dan Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh.

Pusat pemindahan sementara dibuka di Sekolah Kebangsaan Merbau Sempak, Sungai Buloh dan Dewan MPKS Desa Coalfields, Kuala Selangor.

# Rewang Aidilfitri sedia juadah enak

**SHAH ALAM -** Program gotong-royong Rewang Komuniti Strata Aidilfitri yang menyediakan pelbagai juadah kembali diadakan tahun ini dengan penganjuran sulung di Selayang, Gombak mulai Mei.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah memberitahu masyarakat setempat akan memasak juadah raya antaranya lemang, ketupat dan rendang dalam acara berkenaan secara bersama-sama.

"Program bermula dari pagi dan majlis jamuan berlangsung malam. Kita jangka kehadiran ramai dan mendapat sambutan menggalakkan," kata beliau baru-baru ini.

Pada tahun lalu, program Jom Rewang Sekampung Aidilfitri diperkenal dengan Ampang dan Hulu Langat dipilih sebagai daerah perintis.

# RM60,000 bantu pihak memerlukan

**KLANG -** Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Meru berbelanja lebih RM60,000 untuk menyediakan bantuan bakul makanan kepada masjid dan surau sepanjang Ramadan.

Wakil rakyat Mariam Abdul Rashid memberitahu pihaknya menyerahkan RM1,000 kepada setiap 36 surau manakala empat masjid menerima masing-masing RM2,000 bagi kegiatan imarah.

"Kita turut peruntuk wang untuk memberi bakul makanan kepada 50 asnaf sebagai langkah meringankan beban belanja serta melengkapkan keperluan raya penerima.

"Kita juga menjayakan program iftar bersama penduduk. Selain berbuka puasa bersama-sama, program juga mendekatkan pemimpin dengan penduduk sekitar," katanya baru-baru ini.

# Buka kaunter JKM setiap bulan

**SHAH ALAM -** Kaunter perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibuka dengan kekerapan sekali sebulan di Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang bermula 9.30 pagi hingga 3 petang.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat berkata antara khidmat yang ditawarkan termasuklah berkaitan urusan permohonan atau penerangan mengenai bantuan disediakan JKM yang dikendalikan sendiri pegawainya.

"Setiap bulan JKM akan datang ke pusat khidmat DUN Rawang atas permintaan saya ketika bermesyuarat dengan JKM Gombak (sebelum ini) memandangkan jarak Rawang ke pejabat JKM terdekat agak jauh.

"Ini bagi memberi kemudahan terutama kepada orang miskin kerana jarak yang agak jauh, jadi saya minta mereka buka kaunter sebulan sekali di pusat khidmat saya," katanya pada 23 April.

Khidmat van transit serendah RM2 19

Pesta gol MBSJ FC belasah FC Japan Malaysia 21

Cerpen, puisi & esei
HADIAH SASTERA SELANGOR 2024
terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal **selangorkini.my**

selangorkini

# Pertahan legasi Lee, Sock Tao galas perjuangan HARAPAN

**HULU SELANGOR -** Setiausaha akhbar menteri perumahan dan kerajaan tempatan diumum sebagai calon Pakatan Harapan (HARAPAN) bagi pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu.

Nama Pang Sock Tao, 31, diumum Setiausaha Agung DAP Anthony Loke dalam majlis yang turut dihadiri pimpinan Kerajaan Perpaduan termasuk Pengerusi HARAPAN negeri Dato' Seri Amirudin Shari di Taman Gamelan di sini pada 24 April.

Lulusan kejuruteraan Universiti Tenaga Nasional itu pernah memegang jawatan sebagai pegawai tugas-tugas khas menteri tenaga teknologi sains, perubahan iklim dan alam sekitar serta penerbit Ubah TV.

Anthony menyifatkan kemenangan di Kuala Kubu Baharu penting kerana kehilangan satu kerusi DUN boleh menjejaskan kestabilan pentadbiran Selangor sebagai gerbang utama ekonomi negara.

PRK DUN Kuala Kubu Baharu diadakan berikutan kematian penyandangnya Lee Kee Hiong, 58, akibat barah pada 21 Mac.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 27 April sebagai hari penamaan calon, manakala pengundian awal pada 7 Mei dan hari pembuangan undi 11 Mei.

Dalam pilihan raya negeri Ogos tahun lalu, Kee Hiong menewaskan calon Perikatan Nasional Teoh Kien Hong dalam saingan empat penjuru dengan majoriti 4,119 undi.

Beliau pertama kali mewakili kawasan tersebut apabila menewaskan Ooi Hui Wen dari MCA dan tiga calon Bebas pada 2013 dengan majoriti 1,702 undi.

Terdapat 40,226 pengundi dalam kawasan DUN ini yang seluas 617km persegi.

Setakat data ketika pilihan raya negeri, pengundi Melayu meliputi 46 peratus, Cina (31 peratus), India (18 peratus) dan lain-lain (5 peratus).



**Anthony umum Sock Tao (tengah) sebagai calon DUN Kuala Kubu Baharu di Taman Gamelan, Hulu Selangor pada 24 April dalam majlis yang dihadiri pemimpin Kerajaan Perpaduan. Foto KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

### Negeri belanja RM2.4 juta

# Ringan beban 700 keluarga OKU

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**HULU SELANGOR -** Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah RM2.4 juta untuk Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS) pada 2023, kata EXCO kebajikan.

Anfaal Saari berkata program berkenaan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk meringankan beban keluarga kepada kanak-kanak istimewa atau orang kurang upaya (OKU).

"Untuk tahun 2023, peruntukan asal disediakan Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta namun kita (EXCO kebajikan) memohon peruntukan tambahan.

"Peruntukan tambahan sejumlah RM1.4 juta diluluskan menjadikan jumlah keseluruhan RM2.4 juta untuk membantu 700 keluarga mempunyai kanak-kanak OKU berumur 18 tahun ke bawah," katanya.

Beliau menyempurnakan Majlis Sesi Serahan Bantuan ANIS di Pusat Khidmat Masyarakat Penyelaras Kuala Kubu Bharu di sini pada 23 April.

Pada majlis sama, Anfaal menjelaskan seramai enam penduduk Kuala Kubu Bharu menerima bantuan ANIS yang bernilai antara RM2,000 hingga RM5,000.

"Jenis bentuk bantuan adalah seperti pembelian makanan, alatan mesin, ubat dan yuran kelas terapi.

"Diharap bantuan ini dapat meringankan beban keluarga memandangkan kos perbelanjaan bagi pengurusan anak OKU di swasta agak tinggi," katanya.

## pancawarna



### Sultan: Waspada anasir pecah belah umat

Baginda nasihat umat Islam berhati-hati dan bijak menilai agamawan, ilmuwan sejati

9



### YB Lee jaga kebajikan rakyat, bina prasarana awam

Bekas wakil Kuala Kubu Baharu selesaikan masalah pengundi, hulur bantuan sejak 2013

10-11



### Luar tradisi, lebih seronok raya di luar negara

Tinggal di KL dan Pulau Pinang, dua wanita kongsi lawat ke Jepun, Vietnam, India & Sri Lanka

14-15





Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd**, Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor